



# Laporan TAHUNAN 2017

JABATAN  
MUZIUM  
MALAYSIA

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia  
[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



# Laporan TAHUNAN 2017

JABATAN  
MUZIUM  
MALAYSIA

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia  
[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



# *Isi Kandungan*

- 4.. Kata Aluan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
- 6.. Kata Aluan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
- 7.. Ringkasan Eksekutif Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia
- 10.. Profil Korporat Selayang Pandang
  - Visi, Misi dan Objektif
  - Carta Organisasi JMM 2017
  - Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan JMM
- 17.. Fakta Nombor
- 18.. Peta Taburan Muzium-muzium di Bawah Jabatan Muzium Malaysia


4

10

18

10.. Profil Korporat  
Selayang Pandang

- Visi, Misi dan Objektif
- Carta Organisasi JMM 2017
- Pengurusan Tertinggi dan Pegawai-Pegawai Kanan JMM





# Kata Aluan

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran kehadrat Ilahi atas kurniaNya dapat melakarkan secara ringkas kata-kata aluan bagi Laporan Tahunan Jabatan Muzium Malaysia 2017. Sepanjang tahun 2017, JMM telah memperlihatkan pencapaian yang sungguh memberangsangkan serta meraih pelbagai kejayaan hasil daripada aktiviti dan program yang telah dijalankan sejak awal tahun 2017.

“  
...Selaku agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap usaha-usaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan budaya, sejarah dan alam semula jadi negara...

Selaku agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap usaha-usaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara, JMM telah berjaya menghasilkan pelbagai pameran dan aktiviti pendidikan muzium yang realistik serta praktikal yang berupaya menjana transformasi penyampaian perkhidmatan institusi permuziuman di negara ini. Namun dalam misi memacu transformasi permuziuman, seiring dengan pengurusan organisasi yang lain, kita perlu memastikan institusi permuziuman berada di landasan yang betul, mantap dan berkesan. Usaha memperkemas jentera organisasi dan tadbir urus institusi permuziuman perlu dilaksanakan secara berterusan melalui sumber yang mapan, struktur organisasi yang kemas, kewibawaan modal insan yang bijaksana dan memaksimumkan potensi yang sedia ada. Faktor-faktor ini penting dan menjadi tanda aras penentu kecemerlangan institusi permuziuman di Malaysia malahan perlu diperkasa agar selari dengan perubahan semasa.

Akhir kata, kepada warga muzium sekalian teruskanlah usaha dan tanggungjawab menyemarakkan muzium kepada masyarakat demi kelangsungan negara yang bertamadun ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin  
Tan Sri Abdul Aziz**

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

# Kata Aluan

Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan  
Kebudayaan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya, buku Laporan Tahunan 2017, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) berjaya diterbitkan. Ucapan setinggi-tinggi tahniah ditujukan kepada sidang redaksi JMM yang telah bertungkus-lumus menyiapkan buku laporan tahunan ini sejak dari awal sehingga ke akhir penerbitannya.

Seperti yang kita sedia maklum, setiap jabatan kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan Laporan Tahunan sebagai suatu perkongsian maklumat dan memberikan gambaran menyeluruh tentang peranan dan fungsi jabatan melalui paparan pelaksanaan program dan aktiviti sepanjang tahun.

Laporan Tahunan JMM memaparkan program dan aktiviti hakiki jabatan menerusi lima (5) perkhidmatan teras, iaitu Penyelidikan, Pengurusan Koleksi, Konservasi, Pameran dan Penyebaran Ilmu Pengetahuan melalui; penerbitan, seminar, persidangan, forum, ceramah, bengkel dan lawatan berpandu ke galeri serta pelbagai program *inreach* dan *outreach*.

Syabas dan tahniah kepada pihak JMM telah berjaya mengadakan pelbagai program pameran dan seminar, antaranya penganjuran Pameran Muzik Pop, Pameran Ikon Fesyen Retro-Saloma, Pameran Kartun dan Kita, Program Bermalam Perdana di Muzium, "Museum Night Trail" dan sebagainya.

Akhir kata, saya berharap semoga visi Jabatan Muzium Malaysia menjadi Institusi Permuziuman yang profesional dan bertaraf global akan tercapai demi memartabatkan khazanah warisan negara kita.

**YBhg. Datuk Rashidi bin Hasbullah**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

# Ringkasan Eksekutif

Ketua Pengarah Jabatan Muzium Negara



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulilah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana limpah dan inayahnya, kita telah berjaya menelusuri tahun 2017 dengan jaya. Tahniah kepada sidang redaksi dan terima kasih kepada semua pihak yang merealisasikan penyaluran maklumat bagi penerbitan laporan pencapaian tahunan 2017 tercapai.

Penerbitan Laporan tahunan ini merupakan penanda aras indeks kecemerlangan jabatan dalam merancang program-program berimpak dan berinformasi tinggi kepada masyarakat. Seterusnya ia dapat memacu peradaban sejarah warisan sejagat. Laporan tahunan ini juga, dapat memberi gambaran menyeluruh mengenai inisiatif kejayaan program serta aktiviti yang telah dilaksanakan oleh JMM sepanjang tahun. Ini penting untuk membantu penilaian semula daya saing dalam meraih kejayaan jabatan pada masa hadapan.

Tahun 2017 juga telah berakhir dengan kesudahan yang sempurna dengan mengecapi pelbagai kejayaan dalam memartabatkan pemeliharaan dan pemuliharaan artifak sejarah, warisan dan alam semulajadi negara. Menutup tirainya, menyaksikan Jabatan Muzium Malaysia sekali lagi mempamerkan prestasi pencapaian yang membanggakan sekaligus mengaspirasikan "Muzium Kita Tamadun Kita" sebagai institusi permuziuman yang terulung di rantau ini.

Antara pameran utama yang telah diadakan serta mendapat sambutan luar biasa antaranya ialah Pameran Raja Kita dan Pameran "Ikon Fesyen Retro: Saloma", Pameran Kartun dan Kita, Pameran Kuala Lumpur 2017: Bangkit bersama Sukan SEA 29 dan Sukan Para ASEAN ke-9.

“  
...Tahun 2017 juga telah berakhir dengan kesudahan yang sempurna dengan mengecapai pelbagai kejayaan dalam memartabatkan pemeliharaan dan pemuliharaan artifak sejarah, warisan dan alam semulajadi negara

Kolaborasi dengan pihak institusi luar seperti Pameran *History Con Malaysia* 2017, Pameran Konservasi di Technology Park Malaysia, Pameran Kuala Lumpur di Boustead Cruise Centre, Klang, Pameran Malaysia-China Relations: From Ancient Time To The Future di Muzium Ningbo, China dan Pameran Khabar Dari Antartika di Muzium Alam Semulajadi dapat meningkatkan kompetensi dan profesionalisme dalam bidang permuziuman ke tahap yang lebih tinggi. Kerjasama yang terjalin ini dapat membentuk sinergi yang dapat melonjakkan produktiviti dan impak lestari.

Sebagai menghargai sumbangan dan pencapaian warga kerja JMM dan orang ramai strategi lautan biru kebangsaan NBOS turut menjadi keutamaan dengan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa dan Program Perdana Bermalam di Muzium 2017. Program Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina 2017 di Bentong, Pahang, Jalan Merdeka: Meniti Laluan-Laluan Menuju Kemerdekaan dan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri 2017 Peringkat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia antara pendekatan yang merapatkan hubungan dua hala tersebut

Kejayaaan penerbitan buku antaranya Ikon Fesyen Retro: Tiru Macam Saya, Spesies Marin Beracun, *Malaysia Museums Journal*, *Batik Sarong: Heritage of Today and Tomorrow*, Buku Pameran Raja Kita, Makam-makam Islam Lama di Asia Tenggara Maritim dan *I am a Chitty: Living Culture of a Chitty Family in Malacca*, merupakan pencapaian penerbitan berpaksikan transformasi dalam semua bidang. Penerbitan ini juga dapat merealisasikan nilai tambah bidang permuziuman menjelang transformasi pencapaian TN50.

Akhir sekali syabas dan tahniah di atas penerbitan laporan tahunan ini dan semoga ia menjadi panduan kepada semua pihak dalam merancang dan melaksanakan program yang komprehensif, dinamik, kekal dan responsif. Perubahan yang dicorak pada hari ini akan menukar kejayaan masa hadapan. Semoga ia menjadi panduan kepada semua pihak dalam memastikan kesinambungan sejarah dan warisan kekal terpelihara.

Sekian Terima kasih.

“Muzium Kita Tamadun Kita”

**Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim**

*Profil*  
**KORPORAT**



# SELAYANG PANDANG

## VISI, MISI DAN OBJEKTIF

### Visi

Menjadi Institusi Permuziuman yang profesional dan bertaraf global.

### Objektif

1. Menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara
2. Menyebarluaskan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium.



### Misi

1. Meningkatkan profesionalisme dalam bidang permuziuman
2. Memantapkan penyelidikan, pengurusan koleksi, konservasi, pameran dan pendidikan
3. Meluaskan jaringan kerjasama pintar dengan institusi permuziuman global.

## Fungsi

1. Menyelidik, mengumpul, memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara.
2. Mengurus muzium-muzium di bawah pentadbiran persekutuan dan memberi khidmat kepakaran dan nasihat kepada muzium-muzium negeri, jabatan kerajaan dan swasta.
3. Mendokumentasikan koleksi jabatan dan menerbitkan hasil penyelidikan.
4. Memberikan khidmat pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum dan persidangan dan lawatan berpandu ke balai-balai pameran.




## Halatuju


1. Mengemaskini dan melengkapkan data-data koleksi sedia ada.
2. Menyediakan repositori dan makmal konservasi yang serba lengkap.
3. Menghasilkan penyelidikan berwibawa.
4. Menyediakan modal insan terlatih didalam bidang permuziuman.
5. Menyediakan pameran menarik.
6. Menjadi institusi permuziuman yang unggul.

## Perkhidmatan Teras

1. Pengurusan Koleksi
2. Penyelidikan
3. Penyebaran ilmu Pengetahuan melalui: Pameran (pameran tetap, pameran sementara dan pameran bergerak), Ceramah, Bengkel, Seminar, Forum dan persidangan serta Lawatan berpandu ke galeri.

# CARTA ORGANISASI JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2017





# PENGURUSAN TERTINGGI DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA



**Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof**  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Permuziuman)



**Datuk Kamarul Baharin  
bin A. Kasim**  
Ketua Pengarah Jabatan  
Muzeum Malaysia



**Encik Mohamad Shawali bin Hj. Badi**  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)



**En. Azmi bin Ismail**  
Pengarah Muzium Negara



**En. Esa bin Haron**  
Pengarah Bahagian Pameran  
dan Pengembangan



**En. Zainal bin Ariffin**  
Pengarah Bahagian  
Pengurusan Koleksi



**Encik Samsol bin Sahar**  
Pengarah Bahagian  
Penyelidikan dan Dokumentasi



**En. Zamrul Amri bin  
Zakaria**  
Pengarah Bahagian  
Pengurusan Konservasi



**Dr. Farizawati bt. Sabri**  
Pengarah Muzium Alam  
Semula Jadi



**Cik Darniza bt. Daut @  
Mohmud**  
Timbalan Pengarah  
Muzium Negara



**Puan Norhanisah  
bt. Ahmad**  
Pengarah Muzium  
Perak



**Puan Hadijah bt.  
Mohd Yunus**

Pengarah Muzium  
Tekstil Negara



**Puan Roslelawati bt.  
Abdullah**

Pengurus Bahagian  
komunikasi Korporat



**Puan Zarinah bt. Sarifan**

Ketua Penolong Pengarah  
Unit Pembangunan dan  
Pengurusan Harta



**Cik Sitti Rabia bt. Abd.  
Rahman**

Ketua Penolong Pengarah  
Unit Dasar



**En. Mohd Khairill  
bin Jemangin**

Timbalan Pengarah  
Muzium Alam Semula Jadi

## FAKTA NOMBOR PENCAPAIAN JMM 2017



**3,181,012**  
pengunjung  
melawat muzium

**154**  
program pendidikan dan  
pengembangan muzium

**418**  
konservasi  
artifak

**20** buah  
**muzium**  
di bawah pentadbiran JMM



**3**  
pameran  
sementara



**10** penerbitan  
**JMM**



**32**  
kursus  
anjuran  
JMM

**94**



**perolehan**  
**koleksi**

# PETA TABURAN MUZIUM-MUZIUM DI BAWAH JMM







# Laporan **SEKTOR DASAR**



## PROFIL

Sektor Dasar Jabatan Muzium Malaysia terdiri daripada Bahagian Pengurusan Koleksi, Bahagian Dasar dan Pembangunan, Bahagian Pengurusan Konservasi dan Bahagian Khidmat Pengurusan. Bahagian Pengurusan Koleksi melibatkan Unit Perolehan Artifak, Unit Perkhidmatan Repotori, Unit Inventori Koleksi Artifak dan Unit Arkib dan Pendaftaran Elektronik. Manakala Bahagian Dasar dan Pembangunan terdiri daripada Unit Dasar dan Perancangan Strategik, Unit Teknologi Maklumat serta Unit Pembangunan dan Pengurusan Harta. Bahagian Pengurusan Konservasi pula melibatkan Unit Konservasi Bahan Bukan Organik, Unit Konservasi Bahan Organik dan Unit Konservasi Preventif. Manakala, Bahagian Khidmat Pengurusan pula terdiri daripada Unit Pengurusan Sumber Manusia, Unit Pembangunan Modal Insan, Unit Kewangan, Unit Keselamatan dan Unit Pentadbiran.

Bahagian Pengurusan Koleksi bertanggungjawab dalam perancangan, penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan aktiviti perolehan koleksi, daftar koleksi, inventori serta sistem penyimpanan dan pemuliharaan koleksi Jabatan. Manakala Bahagian Dasar dan Pembangunan bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar-dasar Jabatan dan aktiviti pembangunan, pengurusan harta dan teknologi maklumat Jabatan. Bahagian Pengurusan Konservasi bertanggungjawab dalam perancangan, penyelarasan dan pemantauan aktiviti konservasi koleksi artifak Jabatan, memastikan koleksi artifak Jabatan berada dalam keadaan baik dengan membuat pemuliharaan, penyelidikan dan pemantauan.

## LAPORAN PENCAPAIAN TAHUNAN 2017

### LAPORAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

#### I. Perjawatan

Jumlah keseluruhan perjawatan di JMM sehingga 31 Disember 2017 adalah 417. Berikut adalah jadual maklumat perjawatan JMM:-

Jumlah Perjawatan		Pengisian	Kekosongan	Peratus Pengisian
<b>417</b>		<b>362</b>	<b>55</b>	<b>86.81%</b>
Bil	Perjawatan	Sedia Ada	Pengisian	Kekosongan
1)	Pengurusan Tertinggi	3	3	0
2)	Pengurusan & Profesional	64	53	11
3)	Kumpulan Pelaksana (B)	84	77	7
4)	Kumpulan Pelaksana (C)	178	159	23
5)	Kumpulan Pelaksana (D)	88	70	18
<b>JUMLAH</b>		<b>417</b>	<b>362</b>	<b>55</b>

## 1.1 Pengambilan Staf

Bagi mengisi kekosongan jawatan, Unit Sumber Manusia, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya mendapatkan kelulusan Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, MOTAC. Permohonan pengisian yang telah diangkat pada 12 Mei 2017 telah diluluskan melalui surat kelulusan rujukan JPA.BPO(S)253/2/78 Jld.38(22) bertarikh 18 Julai 2017. Berikut merupakan 20 kelulusan pengisian jawatan di Gred Lantikan bagi JMM:-

Bil.	Skim Perkhidmatan	Gred	Jumlah Jawatan Diperaku
1.	Kurator	S41	8
2.	Penolong Kurator	S29	4
3.	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
4.	Pembantu Muzium	S19	3
5.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N19	1
6.	Pemandu Kenderaan	H11	1
7.	Pembantu Operasi	N11	2
<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>	

## 1.2 Kenaikan Pangkat dan Pemangkuuan

Sepanjang tahun 2017, sejumlah 11 urusan pemangkuuan dan kenaikan pangkat, meliputi kenaikan pangkat secara **Hakiki/Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK)** telah berjaya dilaksanakan. Antara jawatan terlibat adalah:-

### Kenaikan Pangkat Secara Hakiki

- 1) Pengesahan Kenaikan Pangkat jawatan Kurator Gred Utama "C" ke Kurator Gred Utama "B".
- 2) Cadangan Pemangkuuan Kurator Gred S54 ke Kurator Gred Utama "C".
- 3) Pengesahan Kenaikan Pangkat Kurator Gred S52 Ke Kurator Gred S54
- 4) Cadangan Pemangkuuan Pegawai Teknologi Maklumat F48 ke F52
- 5) Cadangan Pengesahan Kurator Gred S48 ke Kurator Gred S52
- 6) Pengesahan Kenaikan Pangkat Kurator Gred S44 ke S48
- 7) Cadangan Pemangkuuan Kurator Gred S41 ke Kurator Gred Fleksi S41/S44
- 8) Urusan Pemangkuuan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 ke N26
- 9) Cadangan Pengesahan Kenaikan Pangkat Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19 ke N22

### Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK)

- 1) Urusan Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK) Penolong Kurator Gred S29 ke Penolong Kurator Gred S32 (TBK) dan;
- 2) Pembantu Muzium Gred S19 ke S22 (TBK) (Lantikan Tahun 2003)

### **1.3 Persaraan**

Seramai dua (2) orang pegawai dan staf Jabatan Muzium Malaysia yang telah bersara wajib ataupun bersara secara pilihan dengan kerajaan.

BIL	NAMA	TARIKH PERSARAAN	JAWATAN TERAKHIR
1	Hamidah binti Kusnan	27.10.2017 (bersara wajib)	Kurator Gred S44 Fleksi (Memangku)
2	Bachek bin Ali	30.11.2017 (bersara wajib)	Pembantu Operasi Gred N11

### **1.4 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**

Pada tahun 2017, seramai 29 orang pegawai dan kakitangan JMM telah diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun berkhidmat 2016. Berikut merupakan senarai penerima anugerah mengikut kumpulan dan skim perkhidmatan:-

#### **Kump A (Pengurusan & Profesional)**

BIL	NAMA	JAWATAN
1	AZMI BIN ISMAIL	KURATOR S54
2	RUSLEE BIN ARIFFIN	KURATOR S52
3	NOR HANISAH BINTI AHMAD	KURATOR S48
4	MOHAMED FAUZI BIN MOHAMED SALLEH	PEG. TADBIR DIPLOMATIK M48
5	SALMIAHWATI BINTI DJAFAR	KURATOR S41
6	HAIRUNNISYAM BINTI MD.JAMIL	KURATOR S41

#### **Kump Pelaksana (B)**

BIL	NAMA	JAWATAN
1	AHMAD ZULKARNAIN BIN ALIAS	PENOLONG KURATOR S38
2	NOOR AIDA BINTI HASHIM	PENOLONG KURATOR S32
3	MOHD RUSZAMAN BIN YAMAT	PEN. PEGAWAI KESELAMATAN KP29
4	NOOR WAHIDA BINTI HASAN	PENOLONG KURATOR S29
5	HABIBUL RAHMAN BIN ROMLI	PEREKA B29

**Kump Pelaksana (C)**

BIL	NAMA	JAWATAN
1	SABARIAH BINTI ISHAK	PEMBANTU TADBIR (KEW) KANAN W22
2	NORLIN BINTI MOHAMAD YIM	PEMBANTU TADBIR (P/O) KANAN N22
3	ASUANA BINTI DERANI	PEMBANTU MUZIUM S22 (TBBK)
4	ZULIA MAHEDA BINTI MUSTAFFA	PEMBANTU MUZIUM S22 (TBBK)
5	RUHAFIZAH BINTI AB GHANI	PEMBANTU MUZIUM S22 (TBBK)
6	FARIDAH BINTI ISMAIL	PEMBANTU MUZIUM S22 (TBBK)
7	HUZAIMAH BINTI MD ZAIN	PEMBANTU MUZIUM S22 (TBBK)
8	NORNAJIHAH BINTI ABDUL RAHMAN	PEMBANTU MUZIUM S22 (TBBK)
9	BARHAMAN ZAKTOM BIN AHMAD	PEMBANTU MUZIUM S22 (TBBK)
10	MD SABRI BIN MD YAHAYA	PEMBANTU MUZIUM S22 (TBBK)
11	SHAFINAZ BINTI AHMAD SHAHARIR	PEMBANTU MUZIUM S19
12	NAMAZIE LOWE BIN AMRAN	PEMBANTU MUZIUM S19
13	JAMLI BIN UDA IBRAHIM	PEMBANTU KEMAHIRAN H19
14	ANANTAN A/L ALAGESAN	PEMBANTU KEMAHIRAN H19

**Kump Pelaksana (D)**

BIL	NAMA	JAWATAN
1	MUHAMMAD ZULKHAIRIL BIN SULAIMAN	PEMBANTU OPERASI N11
2	BOBBY BIN MARALI	PEMANDU KENDERAAN H11
3	MOHD ASRI BIN BIDIN	PEMANDU KENDERAAN H11
4	SUBRAMANIAM A/L GOVINDARAJOO	PEMBANTU AWAM H11

**LAPORAN PENGURUSAN KOLEKSI**

Sepanjang tahun 2017, Bahagian Pengurusan Koleksi telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dalam usaha memartabat dan melestari koleksi artifak Jabatan Muzium Malaysia meliputi koleksi etnologi, arkeologi dan alam semula jadi negara. Salah satu fungsi utama JMM adalah untuk mengumpul warisan harta kebudayaan, sejarah dan alam semula jadi negara dalam bentuk artifak, ekofak, spesimen dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Koleksi ini dijadikan sumber rujukan dan penyebaran ilmu pengetahuan menerusi khidmat pinjaman artifak, penyelidikan dan pameran kepada masyarakat umum.

### Perolehan Koleksi

Pada tahun 2017, Jabatan Muzium Malaysia telah memperoleh sejumlah 94 koleksi secara hadiah. Antaranya termasuklah 75 koleksi batik sarung telah disumbangkan oleh ketiga-tiga buah syarikat, iaitu Sari Ayu Consult Sdn. Bhd., Semasa Batik dan P.Raman Sdn. Bhd. Selain itu, Pos Malaysia Berhad turut menyerahkan sejumlah 19 sampul surat pertama terbitan 2017 kepada JMM. Maka jumlah keseluruhan koleksi JMM sehingga tahun 2017 adalah seperti berikut:

Klasifikasi	Jumlah Perolehan Koleksi 1963-2017
Arkeologi	322,631
Etnologi	36,515
Spesimen Alam Semula Jadi	64,344
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>423,490</b>

### Inventori Koleksi

Selain mengurus perolehan artifak JMM, bahagian ini turut menjalankan pemantauan dan pendokumentasian koleksi terhadap muzium-muzium wilayah di bawah JMM, iaitu, Muzium Perak, Galeria Perdana, Muzium Matang, Muzium Labuan, Muzium Chimney dan Muzium Marin Labuan.



Membuat semakan semula (inventori) pada koleksi caping.



Setelah semakan semula (inventori) dilaksanakan, koleksi tersebut akan ditempatkan pada rak atau simpanan yang telah dikenalpasti.



Koleksi akan ditempatkan di lokasi yang telah dikenalpasti dan diletakkan label (tag) bagi memudahkan pencarian koleksi apabila diperlukan untuk tujuan pameran dan sebagainya.

**Antara koleksi yang terlibat adalah seperti berikut:**

BIL	PERKARA	KUANTITI
1.	Koleksi Topeng	460
2.	Koleksi Matawang	116
3.	Merekod koleksi di Repozitori Kasturi	102
<b>JUMLAH</b>		<b>678</b>

Sebanyak 678 koleksi yang telah disemak semula dan akan dikatalogkan. Namun begitu, dalam tahun 2017, Unit Inventori Koleksi Artifak telah memasukkan data koleksi ke dalam sistem MUSECORE sebanyak 2,182 yang melibatkan data maklumat bagi perolehan koleksi 2012 dan 2013.

Selain daripada itu, Unit Inventori Koleksi Artifak turut terlibat dalam membantu dalam kerja-kerja pameran yang telah dijadualkan dalam kalendar tahunan Jabatan termasuk dalam menguruskan perlindungan insurans bagi koleksi yang terlibat. Pameran yang dimaksudkan adalah seperti berikut dan jumlah perlindungan insurans adalah seperti berikut:

BIL	TAJUK PAMERAN	PREMIUM INSURANS (RM)
1.	Pameran Raja Kita	7037.93
2.	Pameran Muzik Pop	275.00
3.	Pameran Ikon Fesyen Retro - Saloma	564.84
4.	Pameran Kartun dan Kita	1,383.23
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>9261.00</b>

**Pinjaman Koleksi**

Unit Perkhidmatan Repozitori juga bertanggungjawab dalam mengurus pinjaman dan menyediakan koleksi untuk tujuan pengisian pameran, penyelidikan, penerbitan dan dokumentasi. Permohonan bagi tujuan tersebut biasanya melibatkan muzium-muzium dan bahagian-bahagian yang terdapat di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

Selain daripada itu unit ini juga turut menerima permohonan pinjaman koleksi daripada agensi-agensi luar seperti muzium negeri, pusat pengajian tinggi dan agensi swasta.

**Jumlah Pinjaman Koleksi Pada Tahun 2017**

BIL	BUTIRAN	JUMLAH
1.	Unit/Muzium dalam Jabatan	162
2.	Agensi Luar Jabatan	91
<b>Jumlah Koleksi</b>		<b>253</b>

### **Penyimpanan Dan Penjagaan Koleksi**

Unit Perkhidmatan Repositori mempunyai peranan penting dalam usaha menjaga dan memulihara koleksi artifak milik Jabatan Muzium Malaysia. Antara fungsi utama yang dilaksanakan oleh unit ini ialah:

- Menguruskan sistem penyimpanan dan penyusunan untuk penstoran artifak secara sistematis.
- Menyelia sistem keselamatan Repositori Jabatan Muzium Malaysia dan muzium – muzium dibawah Jabatan Muzium Malaysia
- Menyelia keadaan kondisi artifak bagi tujuan konservasi
- Menyemak dan mengemaskini data perolehan, pinjaman secara berjadual bagi tujuan pemeriksaan dalam artifak jabatan
- Mengenalpasti dan menguruskan pinjaman koleksi bagi tujuan pameran yang dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia dan juga agensi luar.
- Mengurus dan mengenalpasti koleksi bagi tujuan penyelidikan oleh para penyelidik daripada pegawai jabatan, institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

Dalam usaha memantapkan lagi peranan utama unit ini, pelan penyusunan semula koleksi mengikut klasifikasi telah dilaksanakan mengikut Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2017 Bahagian Pengurusan Koleksi. Objekif Utama Pelan Penyusunan Semula Koleksi ini dilaksanakan ialah:

- Menaiktaraf sistem penyimpanan dan penyusunan koleksi supaya lebih sistematik dan spesifik mengikut setiap jenis klasifikasi koleksi.
- Mengemaskini dan melengkapkan sistem inventori mengikut klasifikasi koleksi selaras dengan sistem penyimpanan artifak di Repositori.
- Mengurangkan kepadatan susunatur koleksi di ruang penyimpanan bagi mengelakkan kerosakan serta mewujudkan keadaan yang lebih sejahtera dalam usaha memanjangkan jangka hayat koleksi tersebut.
- Menyediakan kaedah sokongan yang sesuai bagi koleksi supaya berada dalam keadaan yang selamat terutamanya semasa di dalam simpanan.
- Semua koleksi disusun, diletakkan di kabinet dan rak-rak simpanan yang telah dikhaskan bagi memudahkan kerja-kerja mengenalpasti koleksi.
- Mengenalpasti dan mengasingkan koleksi yang tidak mempunyai nombor pendaftaran artifak.
- Koleksi yang telah direkod akan dimasukkan data ke dalam sistem MUSECORE.

Koleksi yang terlibat adalah seperti berikut :

BIL	KOLEKSI YANG TERLIBAT	BIL	KOLEKSI YANG TERLIBAT
1	Senjata	7	Pembungkusan / Kotak
2	Caping dan Kacip	8	Alat Muzik
3	Seramik	9	Wayang Kulit dan Seramik Kapal Karam
4	Perhiasan Diri Emas	10	Setem dan Sampul Surat
5	Ukiran Kayu	11	Matawang
6	Tekstil		

### **Penyelidikan Koleksi**

Penyelidikan koleksi yang dijalankan di Unit Perkhidmatan Repotori adalah merangkumi penyelidikan sejarah dan budaya yang memfokuskan kepada koleksi yang terdapat di bahagian ini. Lazimnya para penyelidik terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia. Selain daripada itu, terdapat juga penyelidikan yang dijalankan secara kerjasama dengan pihak agensi luar seperti institusi pengajian tinggi daripada dalam dan juga luar negara.

Koleksi Yang Terlibat Untuk Tujuan Penyelidikan :

BIL	NAMA KOLEKSI	JUMLAH KOLEKSI
1.	Ukiran Kayu,Seramik,Tekstil,Senjata	10
2.	Seramik	2
3.	Ukiran Kayu,Seramik,Tekstil,Senjata	10
4.	Sulaman Kelingkan	80
5.	Busana Mak Yong	11
6.	Manuskrip Melayu	10
7.	Kereta Lembu,Melaka	1
8.	Keris	10
9.	Alat batu Paleolitik ,epipaleolitik,hoabihin dan alat neolitik	20
10.	Senjata - Lembing	5
12.	Jerat & Perangkap	50
<b>JUMLAH KOLEKSI</b>		<b>209</b>

### **LAPORAN PENGURUSAN KONSERVASI**

Pada tahun 2017, Bahagian Pengurusan Koleksi telah berjaya menjalankan konservasi artifak sebanyak 419 di 9 lokasi berlainan, 931 konservasi preventif, 36 khidmat bantuan konservasi dan 742 penilaian kondisi artifak.

### **KONSERVASI ARTIFAK**

Bil	Unit / Bahagian / Muzium	Organik	B. Organik	Jumlah (O + B.O)
1.	Bahagian Pengurusan Koleksi	197	39	236
2.	Muzium Negara	2	-	2
3.	Muzium Tekstil Negara	22	22	44
4.	Muzium DiRaja	4	8	12
5.	Muzium Perak	50	5	55
6.	Muzium Matang	9	21	30

Bil	Unit / Bahagian / Muzium	Organik	B. Organik	Jumlah (O + B.O)
7.	Muzium Kota Kuala Kedah	1	-	1
8.	Gallleria Perdana	1	-	1
9.	Khidmat Bantuan Konservasi Agensi Luar Lembaga Muzium Negara Sembilan Istana Budaya	12	24	36
<b>JUMLAH</b>		<b>297</b>	<b>121</b>	<b>418</b>

### KONSERVASI PREVENTIF

Bil	Tujuan	Jumlah	Tarikh / Lokasi	Pegawai Pelaksana
1.	Pakaian YDP Agong Pertama ii. membuat lining iii. membuat kotak sokongan	2	05 - 09.01.2017 Makmal Konservasi JMM	Nur Liyana
2.	Kerja-kerja membuat dan memasang sarung Kerusi Bintang	700	14 - 21.02.2017 Makmal Konservasi JMM & Muzium DiRaja	Staf BPK
3.	Pemantauan persekitaran ruang pameran Rangka Kanak-kanak Gua Cha i. menukar <i>silica gel</i> di dalam peti pameran	3	23.02.2017 Galeri 3, Muzium Negara	Muhamad Zaidi Nur Liyana Noor Hadila
4.	Pemantauan persekitaran galeri dan Pameran Wayang Kulit Nusantara	19	28.02.2017 Galeri 3, Muzium Negara	Nurul Hafizah Rokiah Nur Liyana
5.	Pemantauan Persekitaran pameran dan kondisi Bahtera Purba	1	13.06.2017 Galeria Perdana, Langkawi	Ahmad Md Sabri Rokiah Nur Liyana
6.	Fumigasi koleksi patung wayang golek	11	Makmal Konservasi	Staf BPK
7.	Membuat torso <i>buckram</i> dan <i>padding support</i> untuk koleksi pakaian Saloma	40	Makmal Konservasi	Staf BPK
8.	Pembersihan fizikal dan pembungkusan koleksi Buku Nadir	50	Makmal Konservasi	Staf BPK
9.	<i>Encapsulation</i> dan sokongan keratan akhbar sempena Pameran Jalan Merdeka	1	Makmal Konservasi	Ahmad Shahir
10.	Membuat <i>padding support</i> untuk koleksi pakaian Saloma	2	Makmal Konservasi	Nur Liyana
11.	Pembersihan fizikal koleksi wayang golek yang telah difumigasi	11	Makmal Konservasi	Muhamad Faiz Ahmad Shahir
12.	<i>Mounting Board, Padded Roller</i> dan Kotak Pembungkusan untuk Koleksi Tekstil Kain Kosmos dan Batik Sempena Pameran Wastra Borneo Kain Kosmos & Warna di Labuan	5	03 - 08.10.2017 Makmal Konservasi JMM	Muhamad Zaidi Ahmad Shahir
13.	Fumigasi Koleksi Kitab Agama	86	Makmal Konservasi	Staf BPK
<b>JUMLAH</b>			<b>931</b>	

### KHIDMAT BANTUAN KONSERVASI KEPADA AGENSI LUAR

Bil	Agensi	Bentuk Perkhidmatan	Jumlah Artifak	Tempoh Masa
1.	Lembaga Muzium Negeri Sembilan	Konservasi artifak dan konservasi preventif	1	05 - 09.01.2017
2.	Istana Budaya	Pemasangan Casting Mural Istana Budaya	18	27.02.2017 - 03.03.2017
3.	Institute for Medical Research (IMR) Kuala Lumpur	Penilaian Kondisi Koleksi Lukisan Kanvas & Bingkai Gambar	2	18.04.2017
4.	Muzium Pulau Pinang	Bengkel Konservasi (Packaging & Handling)	-	24 - 25.05.2017
5.	Majlis Sukan Negara	Konservasi replika Awang Kenit, Pembersihan Kawah Obor Sukan Sea ke 21 & 29	4	2 - 16.08.2017
6.	Institute of Medical Research (IMR)	Kursus Konservasi Logam	-	11 - 12.09.2017
7.	Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT)	Bengkel Konservasi Tekstil Melayu Tradisional Siri 2	-	12 - 13.09.2107
8.		Bengkel Peracuan Artifak	-	18 - 21.09.2107
9.	Universiti Malaysia Kelantan	Bengkel Konservasi Tekstil	-	31.10.2017
10.	Muzium Adat Istiadat (Istana Jahar)	Penilaian Kondisi Perahu dan Pemantauan Koleksi Artifak Pameran	1	31.10.2017
11.	Galeri Sultan Azlan Shah	Kursus Pemuliharaan Barang Kulit	10	1 - 2.11.2017
<b>JUMLAH</b>			<b>36</b>	

### PENILAIAN KONDISI

Bil	Tujuan Penilaian	Pemohon/ Tarikh Permohonan	Jumlah Penilaian	Tarikh/ Lokasi Penilaian	Pegawai Penilaian
1.	Pinjaman Koleksi ke Muzium Adat	Bahagian Pengurusan Koleksi 18.01.2017	10	18.01.2017 Repository Utama, JMM	Muhamad Faiz Muhamad Zaidi
2.	Pinjaman kepada Lembaga Muzium Negeri Sembilan	17.01.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	16	07.02.2017 Repository Utama, JMM	Hamidah Normardiana
3.	Pengisian Pameran Raja Kita	08.02.2017	2	08.02.2017 Muzium DiRaja	A'fifah Rokiah
4.	Pengisian Pameran Rumah Terbuka Tahun Baru Cina	08.02.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	4	10.02.2017 Repository Utama, JMM	Ahmad Shahir
5.	Pengisian Program Outreach Muzium Negara	16.02.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	11	20.02.2017 Repository Utama, JMM	Ahmad Shahir

Bil	Tujuan Penilaian	Pemohon/ Tarikh Permohonan	Jumlah Penilaian	Tarikh/ Lokasi Penilaian	Pegawai Penilaian
6.	Pemulangan koleksi pinjaman wayang kulit : En. Che Mohd Nasir	09.03.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	5	10.03.2017 Makmal Konservasi JMM	Ahmad Shahir
7.	Pemulangan koleksi pinjaman wayang kulit : En. Miskom Karim	09.03.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	7	10.03.2017 Makmal Konservasi JMM	Ahmad Shahir
8.	Pemulangan koleksi pinjaman wayang kulit : En. Che Mohd Nasir	09.03.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	23	10.03.2017 Makmal Konservasi JMM	Ahmad Shahir
9.	Pemulangan koleksi pinjaman wayang kulit : En. Che Mohd Nasir	09.03.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	10	10.03.2017 Makmal Konservasi JMM	Ahmad Shahir
10.	Pemulangan koleksi pinjaman wayang kulit : En. Che Mohd Nasir	09.03.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	6	10.03.2017 Makmal Konservasi JMM	Ahmad Shahir
11.	Pengisian Pameran di Ruang Legar MOTAC	14.03.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	17	15.03.2017 Repositori JMM	Hamidah Rokiah
12.	Pengisian Pameran Ikon Fesyen Retro : Tiru Macam Saya	-	64	20.03.2017 Gedung Memorial Tunku Abdul Rahman	Nur Liyana Ahmad Shahir Muhamad Zaidi
13.	Pinjaman kepada Muzium Kota Kuala Kedah	22.03.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	9	23.03.2017 Repositori JMM	Muhamad Zaidi Nur Liyana
14.	Pengisian Pameran Raja Kita : Koleksi Pejabat Penyimpanan Mohor Besar Raja-Raja	Bahagian Pengurusan Koleksi 10.04.2017	6	17.04.2017 Repositori Utama JMM	Ahmad Shahir
15.	Pengisian Pameran Raja Kita : Koleksi Arkib Negara	-	2		
16.	Pengisian Pameran Raja Kita : Koleksi Pingat JPM	Bahagian Pengurusan Koleksi 17.04.2017	20	17.04.2017 Repositori Utama JMM	Hamidah
17.	Pengisian Pameran Raja Kita : Koleksi Pejabat Penyimpanan Mohor Besar Raja-Raja (Fasa 2)	Bahagian Pengurusan Koleksi 20.04.2017	1	20.04.2017 Repositori Utama JMM	Ahmad Shahir
18.	Peminjaman untuk Pameran Rumah Terbuka Aidilfitri 2017	Bahagian Pengurusan Koleksi 10.07.2017	14	11.07.2017 Repositori JMM	Nurul Hafizah Rokiah
19.	Peminjaman untuk Pameran History Con Malaysia	Bahagian Pengurusan Koleksi 30.07.2017	69	31.07.2017 Repositori JMM	Hamidah Normardiana
20.	Pengisian Pameran Sukan SEA	Bahagian Pengurusan Koleksi	5	02.08.2017 Repositori JMM	Hamidah

Bil	Tujuan Penilaian	Pemohon/ Tarikh Permohonan	Jumlah Penilaian	Tarikh/ Lokasi Penilaian	Pegawai Penilaian
21.	Pengisian Pameran Sukan SEA (Obor)	Bahagian Pameran & Pengembangan	2	02.08.2107 Majlis Sukan Negara	Muhamad Faiz Ahmad Shahir
22.	Pengisian Pameran Sukan SEA	Bahagian Pengurusan Koleksi	97	04.08.2107 Repositori JMM	Hamidah Normardiana
23.	Pengisian Pameran Islam Merdeka	Bahagian Pengurusan Koleksi	20	23.08.2107 Carcosa Seri Negara	Hamidah Muhamad Zaidi
24.	Pengisian Pameran Raja Kita (Tukar koleksi)	Bahagian Pengurusan Koleksi	21	22.08.2107 Repositori JMM	Hamidah Normardiana
25.	Pengisian Pameran Hari Kebangsaan (Muzium Negara)	Bahagian Pengurusan Koleksi	14	25.08.2107 Repositori JMM	Hamidah Normardiana
26.	Pembubaran Pameran Raja Kita	11.09.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	19	12.09.2107 Repositori Utama JMM	Normardiana Rokiah
27.	Pengisian Pameran Khazanah Kapal Karam 2017 Pinjaman Yayasan Warisan Johor	15.09.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	22	14.09.2107 Repositori Utama JMM	Hamidah Normardiana
28.	Pengisian Pameran Wastra Borneo Kain Kosmos & Warna	27.09.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	4	28.09.2107 Repositori Utama JMM	Nur Liyana Muhamad Zaidi
29.	Penilaian Kondisi Artifak Alatan Batu Zaman Paleopolitik Pinjaman Perpustakaan Negara Malaysia	02.10.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	6	03.10.2107 Repositori Utama JMM	Rokiah
30.	Koleksi Senjata Pinjaman kepada Muzium Nelayan	30.10.2017 Bahagian Pengurusan Koleksi	47	31.10.2107 Repositori Utama JMM	Nurul Hafizah Rokiah
31.	Pengisian Pameran Pop Yeh Yeh Koleksi JMM		18		
32.	Pengisian Pameran Pop Yeh Yeh Koleksi Dato' A. Rahman Hassan	Bahagian Pengurusan Koleksi	4	18.11.2107 Repositori JMM	Hamidah Mardiana
33.	Pengisian Pameran Pop Yeh Yeh Koleksi FINAS		7		
34.	Pengisian Pameran Kartun	Bahagian Pengurusan Koleksi	17	26.11.2107 Repositori JMM	Ahmad Shahir
35.	Pemantauan Persekitaran Koleksi Artifak	-	5	29.11.2107 Muzium Matang	Samsol Muhamad Zaidi Ahmat
36.	Pinjaman kepada Muzium Negeri Sarawak	Bahagian Pengurusan Koleksi	2	05.12.2107 Repositori JMM	Hamidah
<b>JUMLAH</b>				<b>742</b>	

## LAPORAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### Prestasi Pelaksanaan Kursus TAHUN 2017

Latihan yang telah dirancang dibawah Pelan Operasi Latihan (POL) Jabatan Muzium Malaysia Tahun 2017 adalah sebanyak **31 bilangan kursus** terdiri daripada 13 bilangan kursus generik dan 18 bilangan kursus fungsional. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 91.43% bersamaan **32 bilangan kursus yang berjaya dilaksanakan** daripada 35 bilangan kursus yang telah dirancang yang terdiri daripada **12 kursus generik, 16 kursus fungsional dan 4 Ad-Hoc**. Walau bagaimanapun sebanyak 8.57% bersamaan 3 bilangan kursus tidak dapat dilaksanakan iaitu terdiri daripada 1 kursus generik dan 2 kursus fungsional. (Rujuk jadual 1.0).

**Jadual 1.0: Prestasi Pelaksanaan Kursus Januari hingga Disember 2017**

KURSUS	DILULUSKAN BILANGAN	LAKSANA		TIDAK DILAKSANA	
		%	BILANGAN	%	BILANGAN
<b>KESELURUHAN</b>	[POL+BIL.C] <b>35</b>	[BIL.A+BIL.B+BIL.C] <b>32</b>	<b>91.43</b>	<b>3</b>	<b>8.57</b>
POL	31	[BIL.A+BIL.B] 28	90.32	3	9.68
A GENERIK	13	[BIL.A] 12	92.31	1	7.69
B FUNGSIONAL	18	[BIL.B] 16	88.89	2	11.11
C AD-HOC	-	[BIL.C] 4	100	-	-

#### 1.1 Kategori Kursus

Kursus yang telah dilaksanakan dibawah POL Jabatan Muzium Malaysia Tahun 2017 boleh dikategori kepada 5 jenis iaitu i)Permuzuman, ii) Pengurusan dan Pentadbiran, iii) Teknologi Maklumat, iv) Integriti dan Nilai-Nilai Murni dan v) Kursus Ad-Hoc. Sebanyak 88.89% iaitu 16 bilangan kursus dalam kategori Permuzuman, 100.00% iaitu 7 bilangan kursus dalam kategori Pengurusan dan Pentadbiran, 100.00% iaitu 2 bilangan kursus dalam kategori Teknologi Maklumat, 75.00% iaitu 3 bilangan kursus dalam kategori Integriti dan Nilai-Nilai Murni serta 100.00% iaitu 4 bilangan kursus dalam kategori Kursus Ad-Hoc berjaya dilaksanakan. Selebihnya, sebanyak 2 bilangan kursus tidak dapat dilaksanakan dibawah kategori Permuzuman dan 1 kursus daripada kategori Integriti dan Nilai-Nilai Murni disebabkan beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan.

**Jadual 1.1: Kursus Mengikut Kategori Januari hingga Disember 2017**

BIL.	KATEGORI	PERANCANGAN	BERJAYA DILAKSANAKAN		TIDAK BERJAYA DILAKSANAKAN	
			BIL.	(%)	BIL.	(%)
1	Permuzuman	18	16	88.89	2	11.11
2	Pengurusan dan Pentadbiran	7	7	100.00	-	-
3	Teknologi Maklumat	2	2	100.00	-	-
4	Integriti dan Nilai-Nilai Murni	4	3	75.00	1	25.00
5	Kursus Ad-Hoc	-	4	100.00	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>31</b>	<b>32</b>	<b>96.97</b>	<b>3</b>	<b>9.68</b>

**SENARAI KURSUS DAN PERSIDANGAN LUAR NEGARA 2017**

BIL.	PESERTA	TAJUK	TEMPAT	TARIKH	ANJURAN
1.	1) Puan Nor Hashila binti Hassim 2) Encik Awangku Mohd Fadhl bin Ag Besar 3) Encik Ahmad Shahir bin Md Daud 4) Encik Muhammad Rizal bin Haji Pata	Pembubaran Pameran 'Malaysia-China Relations: from Ancient Time to the Future'	Muzium Ningbo, China	27 Februari hingga 04 Mac 2017	JMM
2.	Encik Zamrul Amri bin Zakaria	5th APTCCARN Meeting on Natural Disasters and Cultural Heritage in The Philippines: Knowledge Sharing, Decision Making and Conservation	Island of Bohol, Philippines	02 hingga 07 April 2017	SEAMEO SPAFA
3.	Encik Azahar bin Mat Daud	Lawatan Teknikal Warisan Kita	Sumatera Barat, Indonesia	30 April hingga 02 Mei 2017	JMM
4.	Cik Prema a/p Vijayan	Seminar and Workshop on Hindu Arts in Southeast Asia	Bali, Indonesia	27 Mei hingga 01 Jun 2017	JMM
5.	1) Puan Hadijah binti binti Mohd Yunus 2) Encik Mohd Syahrul bin Ab. Ghani	Menjalankan Penyelidikan dan Pendokumentasian bagi tujuan pengisian Pameran Ikon Fesyen Retro: SALOMA	Singapura	21 hingga 23 Julai 2017	JMM
6.	YBhg Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim	32nd SEAMEO SPAFA Governing Board Meeting	Ayutthaya, Thailand	20 hingga 23 Ogos 2017	SEAMEO SPAFA
7.	Cik Sitti Rabia binti Abd Rahman	International Seminar in Commemoration of 10th Anniversary of Program Culture Partnership Initiative (CPI)	Seoul, Korea	05 hingga 09 September 2017	JMM

BIL.	PESERTA	TAJUK	TEMPAT	TARIKH	ANJURAN
8.	Encik Ruslee bin Ariffin	Penyelidikan Penerbitan Buku Gamelan Nusantara - Sejarah, Budaya dan Pembuatan	Bali, Bandung, Jakarta dan Padang, Indonesia	25 September hingga 06 Oktober 2017	JMM
9.	Encik Mohd Nasrulmiazam bin Mohd Nasir	Penyelidikan untuk Pameran Kerajaan-kerajan Melayu yang Hilang (The Lost Kingdoms)	Ho Chi Minh, Na Thrang, My Son, Chou Doc, Da Nanh dan Hanoi, Vietnam	27 hingga 29 September 2017	JMM
10.	1) Puan Hamidah binti Mohd Tahir 2) Cik Nur Liyana binti Mohd Tahir	Kursus 'Packing and Storing Objects and Collections: Tradition and Modernity'	Daejeon, Korea	9 hingga 26 Oktober 2017	-
11.	Encik Zainal bin Ariffin	Persidangan Museums in the 21 <sup>st</sup> Century: Chances and Challenges	Jakarta, Indonesia	29 Oktober hingga 1 November 2017	-
12.	1) Puan Miti Fateema Sharzeella binti Mohd Yusoff 2) Encik Mohd Nasrulmiazam in Mohd Nasir	ASEAN Cultural Properties and Museum International Workshop 2017	Cambodia, Phnom Penh dan Siem Reap	11 hingga 19 November 2017	-
13.	1) Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof 2) Cik Sitti Rabia binti Abd Rahman	Perbincangan Pameran 'Malaysia China Relations: From Ancient Time to the Future'	Muzium National South Chine Sea, Republik Rakyat China	13 hingga 17 November 2017	-
14.	Puan Noor Wahida binti Hassan	Kursus 6 <sup>th</sup> ASEAN Traditional Textiles Symposium 2017	Bandar Seri Begawan, Brunei	19 hingga 24 November 2017	Universiti Brunei Darussalam
15.	Encik Azmi bin Ismail	6 <sup>th</sup> ASIAN National Museum Association (ANMA) Conference	Bangkok, Thailand	20 hingga 25 Disember 2017	ANMA



Pihak logistik dari Malaysia turut memeriksa dan merekodkan susunan koleksi adalah betul dan mengikut reka letak yang telah disediakan semasa Pembubaran Pameran Malaysia China Relation di Ningbo, China



Pemeriksaan kondisi artifak oleh konservator bagi memastikan dalam keadaan baik dan tiada kerosakan tambahan pada koleksi



Pemeriksaan koleksi bagi memastikan bilangan koleksi mencukupi dan sama seperti dalam senarai awal. Pemeriksaan turut disertai oleh Cik Hertha (AEC) dan wakil daripada Muzium Ningbo



Peserta bergambar kenangan bersama Dr. M.R. Rujaya Abhakorn, Pengarah SEAMEO SPAFA ketika menghadiri 5<sup>th</sup> APTCCARN Meeting di Filipina



Ketua Pengarah hadir ke 32<sup>nd</sup> SEAMEO SPAFA Governing Board Meeting di Ayuttaya, Thailand



Pandangan Bahagian Luar (Landscape) Pusat Informasi Kebudayaan, Sumatera Barat, Indonesia. Tempat berlangsungnya salah satu aktiviti Lawatan Teknikal Warisan Kita di Sumatera Barat



Para peserta bergambar di hadapan Istana Pagaruyung ketika menghadiri Lawatan Teknikal Warisan Kita di Sumatera Barat, Indonesia



Seminar dan Workshop on Hindu Arts in Southeast Asia diadakan di Bilik Seminar, Institut Seni Indonesia, Denpasar



Persembahan daripada Institut Seni Indonesia, Denpasar semasa berlangsungnya Seminar dan Workshop on Hindu Arts in Southeast Asia



Peserta bengkel sedang membuat pembungkusan dan penyimpanan objek dan koleksi supaya ia tidak bergerak dan selamat sebagai salah satu modul dalam Kursus *Packing and Storing Objects and Collections* di Korea



Tenaga pengajar sedang memberi praktikal kepada semua peserta cara pembungkusan yang lebih profesional di dalam Kursus *Packing and Storing Objects and Collections* di Daejeon, Korea



Gambar kenangan para peserta semasa membuat melawat ke National Muzium Jakarta semasa berlangsungnya Persidangan *Museums in the 21st Century: Chances and Challenges*



Gambar kenangan wakil daripada pihak JMM iaitu Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) dan Ketua Penolong Pengarah Unit Dasar dan Perancangan bersama wakil daripada pihak Muzium *National South China Sea*

*Laporan*

# SEKTOR PERMUZIUMAN



## Profil

Sektor Permuziuman terdiri dari Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi, Bahagian Pameran dan Pengembangan serta 22 buah muzium dibawah Jabatan Muzium Malaysia. Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi melibatkan Unit Penyelidikan, Unit Penerbitan dan Dokumentasi serta Unit Perpustakaan. Manakala, Bahagian Pameran dan Pengembangan terdiri daripada Unit Perkhidmatan Muzium, Unit Pendidikan Muzium dan Unit Sumber Media. Muzium-muzium pula terdiri daripada Muzium Negara, Muzium Alam Semulajadi, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Tekstil Negara, Muzium Perak, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Kota Kayang, Muzium Adat, Muzium Sg. Lembing, Galeria Perdana, Muzium Diraja, Muzium Automobil Nasional, Muzium Matang, Muzium Kota Johor Lama, Muzium Lukut, Muzium Muzik, Muzium Labuan, Muzium Chimney dan Muzium Marin Labuan serta Bahagian Komunikasi Korporat.

Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi Jabatan Muzium Malaysia iaitu bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan program penyelidikan di Jabatan, meningkatkan hasil penyelidikan dalam bidang sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi serta penerbitan hasil penyelidikan sebagai koleksi Jabatan dan sebagai sumber rujukan penyelidik. Manakala, Bahagian Pameran dan Pengembangan pula bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan program khidmat nasihat pameran, program outreach (pengembangan) dan program pendokumentasian dalam bentuk fotografi dan video.

## Laporan Pencapaian Tahun 2017

### Laporan Pameran dan Pengembangan

Jabatan Muzium Malaysia sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan melalui medium pameran telah memberikan tumpuan kepada penganjuran pameran selaras dengan *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) bagi tahun 2017 iaitu meningkatkan penganjuran pameran berkualiti dan meningkatkan bilangan pengunjung. Sepanjang tahun 2017, Bahagian Pameran dan Pengembangan, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya melaksanakan tiga pameran sementara, sembilan pameran luar dan satu aktiviti yang melibatkan khidmat kepakaran.

### PAMERAN SEMENTARA

#### A. RAJA KITA: KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V

Pameran Raja Kita bersempena Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V telah diadakan di Balairong Seri Muzium Diraja yang memperkenan latar belakang kehidupan serta barang peribadi KDYMM Seri



Paduka Baginda Sultan Muhammad V. Pameran yang dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia ini diadakan bermula 2 Mei hingga 4 September 2017. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh Baginda yang telah memalu gong sebanyak tiga kali sebagai simbolik perasmian pameran. Turut hadir mengiringi baginda semasa perasmian ialah Timbalan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak Dan Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin.



#### **B. Pameran Kuala Lumpur 2017 : Bangkit Bersama Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9**



Pameran ini diadakan sempena penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 dimana Malaysia menjadi tuan rumah untuk kali yang ke 6. Jabatan Muzium Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mengadakan pameran bagi sama-sama memeriahkan temasya sukan yang diadakan secara dwitahunan ini. Pameran ini telah berlangsung di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia pada 11 Ogos 2017 dan dirasmikan pada 17 Ogos 2017 oleh Menteri Belia dan Sukan iaitu Y.B. Brig. Jen. Khairy Jamaluddin dan dibuka sehingga 31 Disember 2017. Artifak/objek yang dipamerkan: Pingat Sukan SEAP Datuk Marina Chin, Jersey Pemain Bola Sepak N. Thanabalan, Pakaian Atlet Tinju & Sepak Takraw, Obor, Baton dan Pingat Kuala Lumpur 2017 dan lain-lain.

#### **C. Jalan Merdeka: Meniti Laluan-Laluan Menuju Kemerdekaan**

Pameran Jalan Merdeka; Meniti Laluan-Laluan Menuju Kemerdekaan merupakan sebuah pameran bergerak Jabatan Muzium Malaysia yang diadakan di Carcosa dan Seri Negara, Kuala Lumpur bermula 1 September 2017 – 31 Mac 2018. Pameran ini merupakan sebuah pameran anjuran bersama di antara Asian Heritage Museum dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia iaitu Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara, Perpustakaan Negara Malaysia dan Perbadanan Filem Negara Malaysia. Selain itu, ia juga mendapat kerjasama daripada beberapa pihak swasta, agensi luar dan serta pertubuhan bukan kerajaan lain seperti News Straits Times Press, Badan Warisan Malaysia, Persatuan



Pertubuhan Arkitek Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Canvas Art, Royal Selangor Pewter, CIMB Foundation, Kedutaan Jepun dan Britain. Majlis perasmian pameran telah disempurnakan oleh Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 31 Ogos 2017.

## PAMERAN LUAR

### A. Pameran Sempena History Con Malaysia 2017



Program pameran ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi antaranya Channel History AXN, Pusat pendidikan swasta, agensi kerajaan dan agensi swasta. Bahagian Pameran dan Pengembangan bertugas membantu Muzium Negara dalam pemasangan pameran di MAEPS Serdang. Pameran yang dijalankan selama 5 hari bersempena History Convention sedunia ini mendapat sambutan yang menggalakkan apabila mencatatkan jumlah pengunjung lebih 30,000 terdiri daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat.

### B. Pameran Konservasi di Technology Park Malaysia pada 12-16 October 2017

Ekspo ini dianjurkan sepenuhnya oleh MOSTI, Malaysia. NICE 2017 juga merupakan expo yang akan mengubah landskap ekonomi Malaysia, selaras dengan aspirasi negara ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju



yang didorong oleh inovasi. Landasan ini akan mencipta bakat dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) seterusnya memacu kapasiti inovasi, meningkatkan produktiviti dan mengalakkan kemampaman dan daya saing. Pihak Jabatan Muzium Malaysia yang dijemput untuk menyertai Ekspo ini secara percuma membuat demonstrasi konservasi dan memperkenalkan satu pameran ringkas tentang konservasi artifak.



### C. Pameran Sempena Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Terengganu 2017

Sempena Perayaan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Terengganu 2017, pelbagai aktiviti telah dirancang sepanjang program bermula pada 15 Mei hingga 20 Mei 2017. Antara aktiviti yang dirancang adalah Pameran Hari Muzium Antarabangsa (HMA) 2017 yang bertemakan Kearifan Tempatan Yang Tersirat. Jabatan Muzium Malaysia telah memilih tajuk Muzium Dan Pendidikan sebagai tajuk pameran yang disediakan.



### D. Hiasan Booth JMM sempena Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri 2017 Peringkat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 20hb Julai 2017

Program sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Kementerian ini telah dilaksanakan di MaTic Jalan Ampang. Pihak JMM telah di beri satu booth untuk dihiasi bagi dijadikan pusat agihan kuih raya yang dipilih.



**E. Pameran Khabar Dari Antartika di Muzium Alam Semulajadi, Putrajaya pada 21 Januari 2017 sehingga 24 Januari 2017**

Pameran ini merupakan pameran kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dengan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya, Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan Institut Perubahan Iklim. Tujuan pameran ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan rakyat Malaysia mengenai kaitan Antartika dan perubahan iklim, mendidik rakyat Malaysia tentang peranan mereka sebagai individu dalam usaha menangani masalah perubahan iklim dan mendapatkan komitmen rakyat Malaysia untuk melaksanakan perubahan dalam usaha mengurangkan kadar perubahan iklim.

**F. Pameran Khabar Dari Antartika di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam pada 3 Februari 2017 sehingga 17 Mac 2017**

Pameran ini merangkumi 3 segmen yang utama iaitu Segmen 1 berkenaan Faktor Perubahan Iklim dan Antartika, dan objektif pameran. Segmen 2 pula merangkumi bagaimana perubahan iklim di Antartika mempengaruhi Malaysia dan kesan peningkatan paras laut di Malaysia. Segmen 3 pula merangkumi peranan-peranan individu yang boleh membantu dalam mengurangkan permasalahan yang timbul akibat dari perubahan iklim. Tarikan utama pengunjung di dalam pameran ini ialah peragaan 25 arca Penguin Emperor yang merupakan satu simbol rayuan benua Antartika kepada masyarakat supaya lebih prihatin dan sedar akan tanggungjawab setiap individu dalam mengurangkan masalah perubahan iklim dunia amnya dan di benua Antartika khususnya.

**G. Pameran Sempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina 2017 di Bentong, Pahang pada 12 Februari 2017**

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah memilih daerah Bentong sebagai tuan rumah Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tahun Baru Cina 2017. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 12 Februari 2017. Penganjuran MRTM Tahun Baru Cina 2017 bertujuan menyemarakkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum serta mewujudkan kesejahteraan hidup warga setempat dengan membuka ruang dan peluang komunikasi antara jiran tetangga berlainan bangsa.



## **H. Pameran Kuala Lumpur di Boustead Cruise Centre, Klang pada 1 Jun 2017 sehingga kini**

Pameran ini merupakan satu jalinan kerjasama antara Jabatan Muzium Malaysia dan Boustead Cruise Centre Sdn. Bhd. bertujuan untuk memperkenalkan Kuala Lumpur dan persekitaran kepada pelancong dari luar negara. Selain mempromosikan bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Muzium Malaysia berpeluang untuk mengetengahkan Jabatan ini dan cawangan-cawangan di bawahnya untuk dilawati oleh pelancong yang datang ke Malaysia khususnya. Jaringan seperti ini diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan dua hala selain menggalakkan pelancong menikmati pameran bukan sahaja memberi informasi terkini malah berpeluang untuk pergi ke destinasi yang difikirkan harus dilawati.

## **I. Pameran Artifak Warisan Kebangsaan di Dataran Lenggong, Perak pada 7 Julai 2017 sehingga 9 Julai 2017**

Pameran Artifak Warisan Kebangsaan merupakan sebuah pameran bergerak Jabatan Muzium Malaysia yang diadakan di Dataran Lenggong, Lenggong, Perak pada 7 Julai 2017 sehingga 9 Julai 2017. Pameran ini diadakan bersempena dengan sambutan Hari *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Jabatan Muzium Malaysia memilih untuk mengadakan pameran Artifak Warisan Kebangsaan bersesuaian dengan tema sambutan yang diraikan iaitu bagi mengetengahkan 3 artifak milik Jabatan Muzium Malaysia yang disenaraikan dalam Daftar Warisan Kebangsaan (satu daftar yang mengandungi senarai butiran warisan yang diwujudkan dan diselenggarakan di bawah seksyen 23, Akta Warisan Kebangsaan 2005). Pameran ini bertujuan untuk mengetengahkan khazanah Malaysia, di samping memberi pendedahan kepada masyarakat umum terutamanya yang berada di luar bandar dalam usaha mendidik dan menyedarkan masyarakat bagi menghargai kepentingan mengekalkan khazanah warisan budaya.

## **KHIDMAT NASIHAT PENUBUHAN MUZIUM/GALERI**

### **A. Khidmat Nasihat Kerja-kerja Naik Taraf Galeria Kayu di Jab. Perhutanan**

Galeria Perhutanan IPJPSM yang ditubuhkan ini mengandungi ruang pameran di mana para pengunjung dapat mempelajari tentang sejarah perhutanan, sains dan teknologi serta sumbangan sektor perhutanan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.



## LAPORAN BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DOKUMENTASI

Jabatan Muzium Malaysia turut giat melaksanakan program penyelidikan yang merupakan satu bidang teras permuziuman. Penyelidikan yang dilaksanakan oleh JMM tertumpu kepada aspek sejarah, budaya, alam semulajadi, konservasi dan koleksi. Bagi tahun 2017, JMM telah melaksanakan lima (5) program penyelidikan utama iaitu;

BIL. TAJUK	PENYELIDIK
1. Jumpaan Terbaru Batu Acheh di Perlis	Muzium Kota Kayang
2. Penyelidikan Pameran Raja Kita	Bahagian Penyelidikan & Dokumentasi
3. Penyelidikan Pameran Kuala Lumpur : Bangkit Bersama, Sukan SEA & Para ASEAN	Bahagian Penyelidikan & Dokumentasi
4. Muzium Negara: Menuju Muzium Bertaraf Antarabangsa	Muzium Negara
5. Nada Gangsa Nusantara (Gamelan)	Muzium Etnologi Dunia Melayu

Di samping penyelidikan jabatan, Bahagian Penyelidikan turut menganjurkan program Bicara Kurator yang bertujuan untuk menyampaikan dan menyebarkan hasil kajian yang telah dilakukan oleh warga muzium tentang bidang permuziuman. Pada tahun 2017, sebanyak tiga (3) sesi Bicara Kurator telah diadakan; iaitu:

BIL. TAJUK	TARIKH	PEMBENTANG
1. <i>Marketing Communication Strategies in Attracting Visitors: A Case Study in Muzium Negara</i>	30 Mac 2017	Cik Shafinaz binti Ahmad Shaharir, Bhg Pameran dan Pengembangan
2. Sejarah Pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan	25 Mei 2017	Encik Rosiswandy bin Mohd. Salleh, Muzium Adat
3. Jumpaan Terbaru Batu Acheh di Perlis	13 Oktober 2017	Cik Hayati binti Mohamad Zawawi, Muzium Kota Kayang

Bahagian Penyelidikan juga menguruskan penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar IPTA/IPTS. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 107 permohonan penyelidikan telah diterima dan diselaraskan oleh Bahagian Penyelidikan.

BIL	UNIVERSITI	JMM	MN	MEDM	MSKOA	MTN	MDR	MAN	MP	MSL	MKK	*GP	MKKK	MLB	*ML	MA	MSB	*MJL	MM
1.	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	2	3												1	1			
2.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	2	7	1	1									1	2			1	1

BIL	UNIVERSITI	JMM	MN	MEDM	MSKOA	MTN	MDR	MAN	MP	MSL	MKK	*GP	MKKK	MLB	*ML	MA	MSB	*MJL	MM
3.	Universiti Multimedia (MMU)		1																
4.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)		1													1	1	1	
5	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)							1							2		2	1	
6	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)		1																
7	Politeknik Sultan Abdul Halim Muazam Shah														1	1			
8	Universiti Sains Malaysia (USM)		4											1		1			1
9	Universiti Malaysia (UM)	1	3	5				1											2
10	Kolej Universiti Tun Abdul Rahman	1	6	4	1	1	1	2											
11	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)		1															1	
12	Universiti Putra Malaysia		1					1											
13	Management and Science Universiti (MSU)			1															
14	Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)		1			1													
15	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)		1																
16	Universiti Malaysia Pahang													1					
17	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia													1					
18	Kolej Vokasional Tengku Abdullah, Bentong, Pahang													1					
19	Universiti Utara Malaysia (UUM)													6					
20	Universiti Teknologi Tun Abdul Razak (UNITAR)													1					

Penerbitan merupakan wahana penting bagi JMM dalam mengekal, mengumpul dan menyebarkan maklumat serta pengetahuan mengenai warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara kepada masyarakat Malaysia khususnya dan masyarakat pembaca di seluruh dunia amnya seiring dengan matlamat, visi dan misi JMM. Pada tahun 2017, JMM telah menerbitkan 10 judul buku dan 5 judul buku program

## 1. Penerbitan

BIL	JUDUL	SINOPSIS
1.	Buku " <i>I am a Chitty: Living Culture of a Chitty Family in Malacca</i> " (soft cover)	Buku ini merupakan hasil kajian yang komprehensif oleh pihak Sukarelawan Muzium yang meliputi aspek sejarah, kebudayaan, agama, dan bahasa golongan Chitty di Melaka. Penulisan adalah berkisar tentang masyarakat Chitty di Melaka, iaitu masyarakat minoriti yang kehadirannya di Melaka kurang diberi pendedahan pada masyarakat umum dan jika tidak diberi pendedahan berkemungkinan budaya masyarakat ini akan lenyap ditelan arus permodenan
2.	Berita JMM Jld 21, Bil 1 (Jan-April 2017)	Memaparkan penulisan berita yang berkaitan dengan Jabatan Muzium Malaysia berkisar sekitar aktiviti muzium, kursus dan latihan, pameran, persatuan dan kegiatan lain (Jan- April 2017)
3.	Berita JMM Jld 22, Bil 2 (Mei-Ogos 2017)	Memaparkan penulisan berita yang berkaitan dengan Jabatan Muzium Malaysia berkisar sekitar aktiviti muzium, kursus dan latihan, pameran, persatuan dan kegiatan lain (Jan- April 2016)
4.	Laporan Tahunan JMM 2016/berserta CD	Laporan tahunan pencapaian Jabatan Muzium Malaysia sepanjang tahun 2016.
5.	Buku " Makam-makam Islam Lama di Asia Tenggara Maritim"	Makam-Makam Islam lama di Maritim Asia Tenggara merupakan hasil tulisan pilihan terbitan EFEO dan Association Achipel. Tujuan utama buku ini diterbitkan untuk memperkenalka hasil penyelidikan tentang makam-makam Islam zaman silam yang telah dijalankan selama 20 tahun terakhir kebelakangan ini. Penemuan makam- makam Islam lama merupakan bukti tinggalan arkeologi yang boleh dikaitkan dengan sejarah islamisasi pesisir maritim di Asia Tenggara.
6.	Buku pameran raja kita	Buku ini menyajikan konsep Raja Berpelembagaan sebagai salah satu pendekatan untuk memperkenal dan merapatkan lagi hubungan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin dan Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong Tuanku Fauziah dengan rakyat jelata. Penerangan kandungan buku dalam dwibahasa.

Bottom of Form

BIL	JUDUL	SINOPSIS
7.	Buku "Batik Sarong: Heritage of Today and Tomorrow"	Sebuah buku popular hasil penulisan <b>Raja Fuziah binti Raja Tun Uda</b> dan <b>Mohamad Najib bin Md Nor</b> bersama beberapa orang penulis tamu yang lain seperti Adeline binti Abdul Ghani, Erna Dyanty binti Mad Daluis dan Mohd Yunus bin Abdullah.
8.	Malaysia Museums Journal	<i>Malaysia Museums Journal</i> adalah jurnal terbitan Jabatan Muzium Malaysia. Ia merupakan Jurnal berwasit, yang dapat menyemarakkan lagi tradisi wacana ilmu di arena pendidikan global. Penerbitan berkala ini juga mengetengahkan peranan penting yang dimainkan oleh Institusi permuziuman sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal. Ia merupakan hasil kajian yang telah dilaksanakan oleh pengamal atau penggiat muzium dari pelbagai latar belakang pendidikan serta kerjaya yang mempunyai kepakaran kursus dalam bidang permuzium
9.	Buku Kecil "Spesies Marin Beracun"	Buku ini adalah terbitan daripada Muzium Marin Labuan, Jabatan Muzium Malaysia. Merupakan sebuah buku dwibahasa (Bahasa Melayu dan Inggeris) yang berbentuk buku bacaan umum bergambar, berkenaan pelbagai spesies marin beracun di sekitar perairan Malaysia. Ia merupakan hasil kajian berkenaan jenis-jenis spesies marin beracun yang terdiri daripada Ular laut, siput kon atau siput rangkik, obor-obor, landak laut, ikan depu, ikan lepu, ketam beracun, ikan pari, ikan sembilang, ikan buntal, sotong kurita cincin biru, tapak sulaiman mahkota berduri dan batu karang api.
10.	Buku Pameran Ikon Fesyen Retro: Tiru Macam Saya"	Buku kecil ini merupakan pendokumentasian hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh para pegawai dan staf Muzium Tekstil Negara ke atas 65 koleksi terpilih busana Biduanita Pertama Negara, Allahyarhamah Puan Sri Datin Amar Salmah binti Ismail atau lebih dikenali sebagai SALOMA yang tersimpan rapi di Arkib Negara Malaysia sejak daripada pemergian beliau pada 25 April 1983. Yang pasti, penerbitan buku ini bukan menjurus kepada fesyen, bukan juga mengkhusus kepada sejarah pembuatan pakaiannya, mahupun penggunaannya di dalam filem-filem ataupun pentas-pentas persembahan secara total.



## 2. Buku Cenderamata

1. Buku Program HMA 2017 i. Buku (8.5" x 8.5") ii. Buku (5" x 7") iii. Pamflet HMA 2017	Buku program sempena Hari Muzium Antarabangsa 2017 yang menjadi acara tahunan yang diadakan di negeri Terengganu.
2. Buku Program Sukan SEA 2017	Buku program sempena perasmian Pameran Sukan SEA 2017
3. Buku program "Pameran Ikon Fesyen Retro: tiru macam saya"	Buku program sempena perasmian Pameran Ikon Fesyen Retro: tiru macam saya
4. Buku Program Bermalam di Muzium	Buku program sempena perasmian Program Bermalam di Muzium Perdana
5. Buku Program Pameran Pop Yeh Yeh	Buku program sempena perasmian Pameran Pop Yeh Yeh




## LAPORAN MUZIUM-MUZIUM

### MUZIUM NEGARA

Pada tahun 2017, Muzium Negara telah menjalankan pelbagai aktiviti dan pameran, termasuklah: Sebanyak tiga (3) buah pameran sementara di Dewan Tengah Muzium Negara telah diadakan di sepanjang tahun 2017.

BIL.	PAMERAN	TARIKH/TEMPAT	SINOPSIS
1.	<b>MY KL</b>	1 Februari hingga 28 April 2017 Galeri Tengah, Muzium Negara	Pameran Kuala Lumpur yang bertemakan "MY KL" bersempena menyambut Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2017. Pameran ini mengetengahkan sejarah awal Kuala Lumpur sebagai sebuah perkampungan perlombongan timah pada pertengahan abad ke-19 yang membangun pesat sebagai sebuah bandar metropolis negara. Selain daripada itu, dapat meningkatkan minat dan kesedaran khususnya golongan muda tentang sejarah tempatan Kuala Lumpur dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam usaha menyokong pemeliharaan bandar raya.



BIL.	PAMERAN	TARIKH/TEMPAT	SINOPSIS
2.	<b>Pameran Sambutan Merdeka Sejarah Diingati</b>	2 September hingga 13 Februari 2018 Galeri Tengah, Muzium Negara	Pameran Sambutan Merdeka Sejarah Diingati ini memaparkan suasana sambutan Hari Kebangsaan di lokasi terpilih bermula pada 31 Ogos 1957 sehingga tahun 2016. Pameran ini bukan sahaja bertujuan untuk mengenang dan menghargai perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan tetapi turut mendidik generasi muda tentang semangat kemerdekaan. Walaupun Hari Kebangsaan hanya satu hari cuti umum, sambutannya berlangsung selama sebulan sehingga sambutan Hari Malaysia pada 16 September. Semasa sambutan Bulan Kemerdekaan, rakyat Malaysia melahirkan semangat patriotisme dan cintakan negara dengan pelbagai cara antaranya memasang bendera Malaysia di kenderaan, balkoni rumah dan juga di sepanjang jalan. Bangunan-bangunan kerajaan di seluruh bandar dan juga pusat membeli-belah turut diceriakan dengan bendera Malaysia, iaitu Jalur Gemilang. Sempena sambutan Hari Kebangsaan, tema khusus dan logo juga dilancarkan. Antara tema-tema sebelum ini ialah "Sehati Sejiwa", "Malaysia, Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta", Malaysiaku Berdaulat, Tanah Tumpahnya Darahku" dan sebagainya.

**1958 - 1965**

**2011 - 2016**

**LOGO TEMA HARI KEBANGSAAN**  
*National Day Theme Logo*

BIL.	PAMERAN	TARIKH/TEMPAT	SINOPSIS
3.	<b>Pameran Kartun dan Kita</b>	8 Disember 2017 hingga 15 April 2018 Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia.	Pameran ini pada dasarnya memberi pengertian bahawa kartun tempatan adalah refleksi kepada realiti kehidupan sehari-hari masyarakat Malaysia yang diketengahkan secara lawak jenaka dan mencuit hati namun ada kalanya sinis dan sarat dengan sindiran. Pameran ini juga merupakan satu bentuk pengiktirafan terhadap keupayaan kartunis dan animator tempatan untuk menggarap dan menterjemahkan realiti kehidupan melalui setiap karya mereka.



## PROGRAM JANGKAU DALAM (IN REACH PROGRAM)

### 1. Aktiviti Pendidikan di Muzium

Dalam usaha memantapkan lagi peranan Muzium Negara sebagai sebuah institusi pendidikan dan pembelajaran tidak formal, UPKS bertanggungjawab melaksanakan pelbagai program pendidikan bagi menyebar luas penerangan mengenai sejarah dan kebudayaan negara serta bertujuan untuk menarik minat dan menggalakkan budaya mengunjungi muzium dalam kalangan generasi muda. Ia menjadi rutin sepanjang tahun bagi UPKS. Aktiviti yang dilaksanakan termasuklah perkhidmatan lawatan berpandu ke pameran tetap Muzium Negara dan aktiviti-aktiviti pendidikan khususnya untuk pelajar sekolah, IPT, agensi kerajaan, agensi swasta dan badan bukan kerajaan. Dengan harapan, aktiviti yang dijalankan dapat membantu pelawat supaya lebih memahami dan menghargai sejarah di samping memupuk sikap bangga terhadap usaha dan pencapaian yang telah dilakukan oleh generasi terdahulu. Aktiviti-aktiviti pendidikan lain yang dilaksanakan adalah Modul Pendidikan Ruang Penerokaan, Mencari Harta Karun, Lembaran Kerja dan Kuiz Terokai Muzium Negara. Aktiviti-aktiviti tersebut mendapat sambutan amat memberangsangkan. Aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan permohonan diterima dan UPKS tidak putus-putus menerima permohonan terutamanya daripada pihak sekolah. Maklum balas yang diterima juga sangat positif. Kebanyakan menyatakan hasrat untuk menyertai lagi aktiviti yang dianjurkan dan gembira serta mendapat pengalaman yang bermakna dengan menyertai aktiviti pendidikan muzium yang berbentuk interaktif dan tidak membosankan.

Senarai penyertaan adalah seperti berikut mengikut program dan aktiviti pendidikan Muzium Negara yang dilaksanakan:

### i. Lawatan Berpandu Khas

Muzium Negara menerima beberapa kunjungan rasmi daripada beberapa VIP dan agensi tempatan dan luar negara sepanjang tahun.

BIL	TARIKH/MASA	PESERTA	CATATAN
1.	17 Jan 2017 (9.00 pagi)	25 pegawai	Muzium Polis Diraja Malaysia
2.	18 Jan 2017 (10.00 pagi)	10 pegawai	Mr. Alain Vidalies, Menteri Pengangkutan, Perancis
3.	20 Jan 2017 (12.00 tengah hari)	8 pegawai	Deputy Foreign Minister Ambassador Ahmet Yildiz
4.	20 Jan 2017 (12.00 tengah hari)	5 pegawai	Timbalan Menteri Turki
5.	6 Mac 2017 (2.00 petang)	10 pegawai	Dr. Clementine, Germany
6.	6 Mac 2017 (10.00 pagi)	2 pegawai	Goethe Intitute, Korea
7.	21 Mac 2017 (11.00 pagi)	3 pegawai	Mr. Kataoko, Ketua Pengarah Jabatan Perdagangan Jepun
8.	28 Mac 2017 (11.40 pagi)	12 pegawai	Ahli Parlimen, French
9.	11 April 2017 (3.00 petang)	15 pegawai	Ambassador Dr. Makio Miyagawa
10.	16 April 2017 (11.00 pagi)	15 orang delegasi	Putera Naruhito, Putera Mahkota Jepun.
11.	17 April 2017 (10.00 pagi)	12 pegawai	Tentera Laut Diraja Malaysia
12.	25 April 2017 (10.00 pagi)	1 orang	Lawatan daripada Mr. Siddhant Shah, India
13.	25 Mei 2017 (11.00 pagi)	25 pegawai	National Defence College Nigeria
14.	5 Jun 2017 (2.00 petang)	10 pegawai	National Defence College Tanzania
15.	15 Jun 2017 (10.00 pagi)	103 pegawai	Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur



Lawatan daripada pegawai Muzium Polis Diraja Malaysia

BIL	TARIKH/MASA	PESERTA	CATATAN
16.	14 Jun 2017 (12 tengah hari)	10 pegawai	Bureau of Consular Affair, Ministry of Foreign Affair, Republic of China (Taiwan)
17.	15 Ogos 2017 (2.00 petang)	20 pegawai	Defence Services Command & Staff College, Sri Lanka (Captain KSP Banagoda RSP, PSC)
18.	24 Ogos 2017 (2.30 petang)	80 pegawai	Kedutaan Besar Indonesia, Kuala Lumpur
19.	13 Okt 2017 (10.30 pagi)	10 pegawai	Admiral Zakaullah Chief Pakistan Navy
20.	15 Okt 2017 (10.00 pagi)	1 pegawai	HE Frederic Laplanche French Ammbassador
21.	16 Nov 2017 (12.00 tengahari)	5 pegawai	Korean Folk Museum
22.	21 Nov 2017 (9.00 pagi)	85 pelajar & 10 pensyarah	Falkutias Keguruan & Ilmu Pendidikan, Universiti Srivajaya, Palembang, Indonesia
23.	19 Dis 2017 (2.30 petang)	6 pegawai	Mr. Mohammad Abdul Mannan, Additional Secretary, Ministry of Science & Technology Dhaka, India.

**ii. Lawatan Berpandu (Pelajar Sekolah & Institut Pengajian Tinggi)**

BIL	TARIKH/MASA	Peserta	CATATAN
1.	28 Mac 2017 (3.00 petang)	5 orang	Media anjuran BKK
2.	29 Mac 2017 (2.00 petang)	40 pelajar & 4 guru	SMK Dengkil, Pahang.
3.	25 April 2017 (10.00 pagi)	80 pelajar & 4 pensyarah	Universiti Srivijaya Palembang, Indonesia
4.	31 Julai 2017(9.00 pagi)	44 peajar dan 3 pensyarah	ASIA-EUROPE, Universiti Malaya
5.	10 Julai 2017 (10.00 pagi)	30 pelajar dan 3 pensyarah	One Academy
6.	17 Julai 2017 (9.30 pagi)	20 orang	Persatuan Keturunan Chang She Shu Yuen KL & Selangor
7.	31 Julai 2017 (9.00 pagi)	44 pelajar dan 3 pensyarah	ASIA-EUROPE, Universiti Malaya
8.	18 Ogos 2017 (2.00 petang)	32 pelajar dan 8 pensyarah	Fakulti Perniagaan, MMU Melaka
9.	21 Ogos 2017 (10.00 pagi)	40 pelajar dan 4 guru	SM Sri Acmar Klang, Selangor
10.	14 Sept 2017 (10.00 pagi)	36 pelajar dan 2 guru	Kolej Tingkatan 6, Tawau, Sabah
11.	12 Okt 2016 (10.00 pagi)	41 pelajar dan 13 guru	SK Bahagia Tawau, Sabah



Lawatan dari Univirsiti Sriwijaya Palembang Indonesia



Pelajar IPT sedang mendengar penerangan kurator muzium

### iii. MODUL PENDIDIKAN RUANG PENEROKAAN

BIL	TARIKH/ MASA	AKTIVITI	BIL. PESERTA	CATATAN
1.	31 Mac 2017 (9.30 pagi )	Modul Ekskavasi Arkeologi - Manusia Perak	54 pelajar dan guru	SMK Mat Kilau, Pahang
2.	23 Mei 2017 (10.00 pagi)	Modul Kenali Rempah Ratus	40 pelajar dan 5 guru	SK AU 3 Keramat
3.	22 Ogos 2017 (10.00 pagi)	Modul Ekskavasi Arkeologi - Manusia Perak	40 pelajar dan 8 guru	SMK Cheras, Selangor
4.	19 Sept 2017 (10.00 pagi)	Kenali Lukisan Gua	40 peserta dan 4 guru	SK Bandar Baru Bangi
5.	25 Sept 2017 (9.30 pagi)	Ekskavasi Arkeologi	40 pelajar dan 4 guru	SK Bandar Baru Selayang 2, Selangor



Modul Kenali Rempah Ratus Sek. Keb. AU 3, Keramat



**iv. MENCARI HARTA KARUN**

BIL	TARIKH/MASA	BIL. PESERTA	CATATAN
1.	27 Mac 2017 (10.00 pagi)	16 pelajar & 2 guru	Kolej Komuniti Hulu Selangor
2.	13 April 2017 (10.00 pagi)	40 pelajar dan 2 guru	Beacon House Malaysia
3.	5 Mei 2017 (10.00 pagi)	30 pegawai	Bursa Saham Malaysia
4.	25 Mei 2017 (10.00 pagi)	40 pelajar dan 4 guru	Kolej Komuniti Tanjung Piai
5.	5 Julai 2017 (10.00 pagi)	35 pelajar dan 2 guru	Kolej Vokasional Kajang
6.	10 Julai 2017 (10.00 pagi)	40 pelajar dan 2 guru	Relliance College
7.	8 Ogos 2017 (10.00 pagi)	35 pelajar dan 2 guru	Kolej Vokasional Kajang, Selangor
8.	17 Ogos 2017 (10.00 pagi)	40 pelajar dan 2 guru	SMK Pandan Jaya, Selangor
9.	25 Ogos 2017 (10.00 pagi)	40 pelajar dan 4 guru	SMKA A Siddiqiah Al Islamiah
10.	13 Sept 2017 (10.30 pagi)	27 pelajar dan 20 penjaga	Home school, Kuala Lumpur
11.	18 Sept 2017 (10.00 pagi)	35 peserta dan 5 guru	Petron Fuel International
12.	18 Sept 2017 (10.00 pagi)	35 peserta dan 5 guru	Petron Fuel International
13.	20 Sept 2017 (10.30 pagi)	40 peserta dan 2 guru	SMK Alam Damai, KL
14.	2 Nov 2017 (11.00 pagi)	40 pelajar dan 5 guru	SMK Pontian Jaya, Pahang
15.	17 Nov 2017 (10.00 pagi)	40 pelajar dan 2 guru	SMK St. Gabriel, Kuala Lumpur
16.	23 Nov 2017 (10.00 pagi)	40 pelajar dan 2 guru	SMK Manjalara, Kuala Lumpur



Pelajar Latihan Industri dari UPSI membantu menyelaras taklimat bagi aktiviti Mencari Harta Karun pelajar MRSM Langkawi



Pelajar Beacon House Malaysia menyelesaikan tugas khas yang diberikan



Pelajar Kolej Komuniti Tanjung Piai menyertai aktiviti Mencari Harta Karun

#### **v. AKTIVITI SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN & PERISTIWA UTAMA NEGARA**



Aktiviti 'Story Telling' pada cuti Hari Wesak kepada pelajar Tabika AU3 Keramat.



Penampilan khas Encik Badut di Program sambutan Hari Muzium Antarabangsa.

BIL	TARIKH/MASA	ACARA/PROGRAM	CATATAN
1.	4 & 5 Februari 2017 10.00 pagi - 5.00 petang Ruang Penerokaan	Aktiviti Menarik Sempena Tahun Baru Cina	<b>Aktivi Khas:</b> Jom Buat Tanglung Puzzle Origami Mewarna Seni Gunting Kertas Cina
2.	10 Mei 2017 10.00 pagi - 12.00 tgh	<i>Story Telling</i> Pelajar Tabika Kemas AU3 Keramat 50 pelajar, guru dan ibu bapa	Diadakan sempena cuti Hari Wesak

BIL	TARIKH/MASA	ACARA/PROGRAM	CATATAN
3.	17 Mei 2017 10.00 pagi - 2.00 ptg	Eskplorasi Muzium Bersama Media (Blogger)	Sempena Hari Muzium Aktiviti bersama Muzium Diraja, MEDM & MSKOA
4.	20 Mei 2017 10.00 pagi - 5.00 ptg	Sambutan Hari Muzium Antarabangsa	Aktiviti: 1. Relic Hunter 2. Arkeologi Muda 3. Seni Kraf Cina 4. Seni Kraf Kolam 5. DIY: Kuih Putu
5.	1 - 2 & 22 - 23 Julai 2017 10.00 pagi - 12.30 tengah hari & 2.30 - 5.00 petang Dewan Tengah	Kreatif@Muzium: Jom Menganyam Ketupat	Sempena sambutan Perayaan Aidilfitri
6.	9 & 10 Sept 2017 10.00 pagi - 12.30 tengah hari & 2.30 - 5.00 petang Dewan Tengah	Kreatif@Muzium: Jom Menganyam Ketupat	Sempena sambutan Perayaan Aidiladha
7.	26 & 27 Ogos 2017 10.00 - 11.00 pagi 3.00 - 4.00 petang	Ceria@Muzium: Persembahan Kebudayaan (Sekolah Seni)	Aktiviti sampingan: Sempena sambutan Hari Kemerdekaan
8.	31 Ogos 2017 10.00 pagi - 5.00 petang	Semarak Merdeka	Aktiviti: 1. Persembahan Busker 2. Deklamasi Sajak 3. Food Truck
9.	4 November 2017 10.00 pagi - 5.00 petang	Ceria@Muzium: Program Sempena Sambutan Deepavali	Aktiviti: 1. Demonstrasi Pembuatan Kuih Tradisional Maruku dan Vadai Masyarakat India 2. Persembahan Tarian Klasik India 3. Seni Lukis Lukisan Tangan
10.	23-25 Dis 2017 10.00 pagi - 5.00 petang	Ceria@Muzium: Program Sempena Sambutan Hari Natal	Aktiviti: 1. Persembahan Tarian Portugis 2. DIY Kraf

## 2. Program Perdana Bermalam di Muzium

Pada tahun ini Program Bermalam di Muzium Negara diadakan serentak di muzium di bawah pentadbiran JMM dan muzium-muzium di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Penganjuran program bermalam pada tahun ini berbeza dari tahun-tahun sebelumnya ia diadakan pada 15 dan 16 September 2017 bersempena sambutan Hari Malaysia. Penganjuran pada tahun ini adalah dengan kerjasama IM4U. IM4U merupakan 1 badan sukarelawan belia yang menggerakkan aktiviti pembangunan rakyat di seluruh negara. Penyertaan di Muzium Negara melibatkan 257 orang peserta terdiri daripada pelajar sekolah menengah di Kuala Lumpur dan Selangor. Pelbagai aktiviti telah diadakan termasuklah menghasilkan aktiviti suai kenal, slot kerohanian&moral, slot bersama Ikon pada hari pertama dan keesokan harinya slot senamrobik dan eksplorasi muzium. Peserta program ini secara tidak langsung telah mendapat manfaat dan seterusnya muzium dapat menyebarkan ilmu pengetahuan serta memelihara warisan budaya kepada masyarakat.



## 3. Program Cuti Sekolah

Bersempena cuti persekolahan sepanjang tahun 2017, beberapa aktiviti telah dijalankan bagi memenuhi aktiviti pembelajaran bagi pelajar yang berkunjung ke Muzium Negara. Program sebegini telah mendapat sambutan yang baik dan secara tidak langsung mendekatkan golongan muda dan juga ibu-bapa. Aktiviti ini sejajar dengan hasrat Jabatan dalam memelihara dan menyebarkan ilmu pengetahuan mengenai khazanah warisan dan kebudayaan negara terutama kepada generasi muda dari pelbagai bangsa dan keturunan. Di samping sebagai pengisian lawatan ke muzium yang lebih berkualiti dan produktif. Program dan aktiviti cuti sekolah yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL	TARIKH & MASA	PROGRAM	LOKASI
1.	11 Nov 2017 10.00 pagi -12.00 tgh & 3.00 - 5.00 ptg	Ceria@Muzium: Persembahan Boneka "Ceritera Teladan Haiwan"	Ruang Penerokaan
2.	18 & 19 Nov 2017	Ceria@Muzium: Persembahan Tarian Kipas	Luar Perkarangan Muzium
3.	25 & 26 Nov 2017 10.00 pagi - 5.00 petang	Ceria@Muzium: Nostalgia Anak Kampung	Perkarangan Muzium



## **MUZIUM TEKSTIL NEGARA**

### **a. IKON FESYEN RETRO: SALOMA**

Pameran Ikon Fesyen Retro yang dirasmikan pada 8 Ogos 2017 merupakan penghargaan yang diberikan oleh Jabatan Muzium Malaysia kepada Biduanita Negara, Allahyarhamah Puan Sri Datin Amar Salma binti Ismail atau lebih dikenali sebagai Saloma yang merupakan wanita tempatan yang berpengaruh dalam mencetuskan inspirasi dan aspirasi kepada rakyat Malaysia dalam memartabatkan seni berpakaian mengikut gaya yang unik serta tersendiri. Sebanyak 65 koleksi terpilih busana Saloma yang menjadi signifikan dalam kehidupan beliau sebagai artis tersohor suatu ketika dahulu telah diketengahkan dalam pameran ini. Busana-busana ini tersimpan rapi di Arkib Negara Malaysia dan julung kalinya dipertontonkan kepada orang ramai dengan mengetengahkan penggunaan teknik yang fleksibel, sesuai dan lembut demi menjamin kelangsungan elemen warisan serta nilai estetika yang terdapat pada bahan organik ini.



Perasmian Pameran Ikon Fesyen Retro; Saloma oleh Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati (Timbalan Menteri Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia)

### **b. BICARA @ MUZIUM**

#### **i. Biduanita Saloma: Ikon, Perintis dan Fashionista Tanah Air**

Program ini diadakan pada 31 Oktober 2017 bersempena dengan Pameran Ikon Fesyen Retro: Saloma yang berlangsung di Galeri 2, Jabatan Muzium Malaysia pada 8 Ogos 2017 sehingga 31 Oktober 2017. Panel pembentang bagi program tersebut adalah Datin Paduka Juariah binti Radin

Sudiro @ Julie Sudiro, Encik Mohd Noor bin Mohd Yusofe @ Cikgu Yusnor, Puan Siti Haslinda binti Abdul Hamid @ Shasha, Encik Salikin Sidek, Pereka Fesyen dan jemputan khas Encik Azlan bin Mohd Said @ Azmosa selaku moderator.

Program berjalan dengan lancar dan jayanya dengan kehadiran seramai 171 orang daripada pelbagai agensi kerajaan, para pensyarah dan pelajar dari Fakulti Fesyen, UiTM Shah Alam dan orang perseorangan yang meminati biduanita ini.



### **ii. Batik Sarung: Dari Akar Ke Rimbun**

Program bicara@muzium sebagai wadah para ilmuwan, kurator dan penyelidik dalam berkongsi dan menyampaikan ilmu pengetahuan serta mengupas topik-topik perbincangan dengan lebih terperinci dan secara terus kepada umum. Program bicara@muzium yang bertemakan Batik Sarung: Dari Akar ke Rimbun telah diadakan pada 14 November 2017, pukul 2.00 petang bertempat di Auditorium, Jabatan Muzium Malaysia. Program ini menampilkan seramai empat orang ahli panel yang mahir dalam bidang masing-masing (rujuk jadual) dan telah dikendalikan oleh Yang Mulia Raja Datin Paduka Fuziah binti Raja Tun Uda sebagai moderator jemputan.

NAMA PANEL	SKOP TOPIK
<b>Panel 1</b> Profesor Dato' Dr. Mohamed Najib bin Ahmad Dawa	Evolusi Batik Sarung
<b>Panel 2</b> Encik Mohd. Syahrul bin Ab. Ghani	Pameran Batik Sarung Warisan Kini dan Selamanya: Satu Kajian Kes Terhadap Penyediaan dan Cabaran Muzium Tekstil Negara
<b>Panel 3</b> Puan Wan Ruzima binti Wan Abdullah	Sokongan Kerajaan Negeri kepada Pengusaha Batik Sarung Terengganu
<b>Panel 4</b> Encik Nik Faiz bin Nik M. Amin	Batik Sarung Dalam Menuju Dimensi Baru



## **MUZIUM ALAM SEMULA JADI**

### **1. Pameran Khabar Dari Antartika**

Pameran Khabar Dari Antartika telah berlangsung di lobi utama Muzium Alam Semulajadi bermula daripada 21 hingga 24 Januari 2017. Pameran yang dianjurkan oleh Yayasan Tuanku Mizan dengan kerjasama Bahagian Pameran Jabatan Muzium Malaysia ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkenaan fenomena perubahan iklim yang melanda benua antartika kerana telah mengalami peningkatan suhu sehingga  $3^{\circ}\text{C}$  yang bersamaan dengan 5 kali ganda purata kadar pemanasan global. Keadaan ini telah menyebabkan ais mencair dan mengakibatkan kenaikan paras air laut lebih 70 meter berbanding paras semasa. Pameran ini turut mempamerkan arca penguin emperor sebagai tarikan untuk meningkat kesedaran masyarakat supaya peka dengan fenomena global ini. Selain itu, turut dipaparkan maklumat dan fakta yang bermanfaat untuk membantu supaya mengurangkan kadar pemanasan global ini serta diselitkan dengan pelbagai aktiviti pembelajaran secara kreatif.

### **2. Pameran Skeleton Melabohkan Tirai**

Pameran Skeleton merupakan pameran sementara terakhir anjuran Muzium Alam Semulajadi di Presint 15, Putrajaya sebelum muzium ini ditutup kepada umum. Pameran ini cuba membawa pengunjung untuk menerokai pelbagai rupa bentuk rangka haiwan daripada jenis mamalia, reptilia, burung, ikan dan haiwan lain yang telah mengevolusi dan mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran kini. Pengunjung turut boleh mengetahui mengapa sesetengah haiwan berkaki empat, berkaki dua atau tidak berkaki. Selain itu, pelbagai fakta menarik tentang tulang didedahkan kepada pengunjung pameran ini termasuklah tentang jenis-jenis haiwan eksoskeleton, haiwan endoskeleton, kepentingan tulang belakang haiwan vertebra, adaptasi pelbagai jenis haiwan dan banyak lagi.



Para pelajar dapat melihat lebih dekat untuk mempelajari pelbagai bentuk tulang dan skeleton lengkap haiwan.



Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) hadir semasa kerja-kerja penutupan Pameran Skeleton.

Sebanyak 84 koleksi milik Muzium Alam Semula Jadi dan juga Muzium Perak yang terdiri daripada 28 skeleton, 51 tengkorak, 10 jenis tulang dan 6 spesimen haiwan. Kesemua koleksi yang dipamerkan khusus untuk memberikan visual yang lebih dekat kepada pengunjung untuk memahami kepelbagaian bentuk rangka haiwan selain menghayati kepentingan sistem rangka dalam kehidupan haiwan. Keseluruhan koleksi sebanyak 84 spesimen dipamerkan melibatkan koleksi Muzium Alam Semula Jadi dan Muzium Perak. Antaranya ialah 28 skeleton lengkap, 51 tengkorak, 10 jenis tulang mamalia, dan 6 spesimen diawet. Pameran ini kemudiannya telah dijadikan sebagai pengisian aktiviti pameran bergerak oleh Muzium Perak di beberapa sekolah terpilih di Taiping, Perak.



Mesyuarat bersama Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) tentang status Muzium Alam Semulajadi

### **3. Penutupan Rasmi Muzium Alam Semulajadi**

Tanggal 1hb Februari 2017 adalah merupakan tarikh secara rasminya Muzium Alam Semula Jadi di Presint 15, Putrajaya ditutup untuk kunjungan orang ramai. Muzium yang telah beroperasi selama lebih 7 tahun bermula tahun 2010 ini adalah merupakan salah satu muzium daripada 20 buah muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia. Muzium ini asalnya adalah merupakan sebahagian daripada galeri awal Muzium Negara yang pernah dibina dalam tahun 1963 dengan dikenali sebagai galeri Ilmu Kejadian. Namun untuk memberikan laluan kepada kerja naiktaraf Muzium Negara pada sekitar tahun 2005, galeri tersebut telah dibubarkan dan dipindahkan ke Putrajaya sementara menunggu pembinaan bangunan muzium yang baharu di Presint 5 yang masih dalam peringkat perbincangan.



Mesyuarat Teknikal Perpindahan MAS ke MDR bersama TKP(P)

Sememangnya penutupan muzium ini memberi kesan terutamanya kepada pengunjung tegar seperti sekolah tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah di kawasan sekitaran malah turut dirasai oleh pihak agensi pelancongan dari dalam dan luar wilayah persekutuan yang kerap menjadikan muzium ini sebagai salah satu destinasi pilihan utama jika menguruskan lawatan ke Putrajaya.

Selama muzium ini beroperasi telah banyak pameran sementara yang pernah dilangsungkan antaranya; Pameran Batu Pelik (2010), Pameran Misteri Buaya (2011), Pameran Foto Alam (2012), Pameran Katak dan Kodok (2013), Pameran Keunikan Bonsai (2010), Pameran Nature Dye (2015), Pameran Wajah Baharu (2015), Pameran Bunga Raya (2016), Pameran Kerangan Laut (2016), Pameran Nyawa: Burung (2016) dan Pameran Skeleton (2016). Selain itu beberapa aktiviti bermalam di muzium turut menjadi salah satu tarikan program pendidikan yang mendapat sambutan hangat.

Sejak tujuh tahun penubuhannya, muzium ini telah menerima kunjungan sebanyak lebih 270,378 orang pelawat tempatan dan luar negara. Mulai bulan Oktober 2017, muzium ini telah berpindah sepenuhnya di Muzium Di-Raja Kuala Lumpur. Aktiviti permuziuman seperti pengurusan koleksi dan pendidikan masih lagi diteruskan disamping membantu pihak Muzium Di-Raja menyelia petugas tiket muzium Diraja. Adalah diharapkan penubuhan bangunan baharu muzium ini akan menjadi realiti dan bejaya menjadi salah satu muzium yang disegani di rantau ini.

## RINGKASAN PROGRAM DAN AKTIVITI JMM WILAYAH

Secara keseluruhannya, 20 buah muzium di bawah JMM telah berjaya menjalankan pelbagai program sepanjang tahun 2017 seperti yang terdapat di dalam jadual di bawah.

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
1.	14 Januari 2017	Lawatan Sekolah Kebangsaan Hutan Kampung	Lawatan ini disertai oleh 45 orang murid dan 4 orang guru. Pelajar juga di beri taklimat ringkas berkaitan sejarah Kota Kuala Kedah oleh pegawai bertugas dan di bawa melawat galeri pameran serta pameran luar.	Muzium Kota Kuala Kedah
2.	21-24 Januari 2017	Pameran Khabar Dari Antartika	Pameran Khabar Dari Antartika telah berlangsung di lobi utama Muzium Alam Semulajadi bermula daripada 21 hingga 24 Januari 2017. Pameran yang dianjurkan oleh Yayasan Tuanku Mizan dengan kerjasama Bahagian Pameran Jabatan Muzium Malaysia ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkenaan fenomena perubahan iklim yang melanda benua antartika kerana telah mengalami peningkatan suhu sehingga 3°C yang bersamaan dengan 5 kali ganda purata kadar pemanasan global. Keadaan ini telah menyebabkan ais mencair dan mengakibatkan kenaikan paras air laut lebih 70 meter berbanding paras semasa.	Muzium Alam Semulajadi
3.	22 Januari 2017	Lawatan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daerah Kota Tinggi	Lawatan ini disertai oleh 20 orang	Muzium Kota Johor Lama
4.	28 Januari 2017	Pameran Skeleton Melabohkan Tirai	Pameran ini cuba membawa pengunjung untuk menerokai pelbagai rupa bentuk rangka haiwan daripada jenis mamalia, reptilia, burung, ikan dan haiwan lain yang telah mengevolusi dan mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran kini. Pengunjung turut boleh mengetahui mengapa sesetengah haiwan berkaki empat, berkaki dua atau tidak berkaki.	Muzium Alam Semulajadi
5.	1 Februari 2017	Penutupan Rasmi Muzium Alam Semulajadi	Tanggal 1hb Februari 2017 adalah merupakan tarikh secara rasminya Muzium Alam Semula Jadi di Presint 15, Putrajaya ditutup untuk kunjungan orang ramai. Muzium yang telah beroperasi selama lebih 7 tahun bermula tahun 2010 ini adalah merupakan salah satu muzium daripada 20 buah muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia.	Muzium Alam Semulajadi

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
6.	27 Februari 2017	Program Bicara Arkeologi Lembah Bujang Siri 4/2017	Melibatkan Pembentang Dr. Nasha bin Radziadi Khaw, Pensyarah Kanan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM dengan tajuk Penemuan Kalam Semah dalam konteks agama di Kepulauan Melayu. Dr. Salwa binti Ayob, Pensyarah Kanan Jabatan Seramik Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Perak dengan tajuk Tembikar Tanah di Lembah Bujang: Kesinambungan Warisan Tradisi Melayu serta Dr. Nazarudin bin Zainun, Pensyarah Kanan Bahagian Sejarah Pusat Kemajuan Ilmu Kemanusiaan USM dengan tajuk Warisan Hindu Buddha di Kedah Tua: Suatu Kritikan.	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
7.	3-5 Mac 2017	Pameran Alatan Bersawah' Di Pesta Angin Timur 2017	Program Pesta Angin Timur Perlis 2017 telah diadakan di Kg. Padang Telela, Pauh, Perlis. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di bawah kelolaan Jabatan Kesenian Dan Kebudayaan Negeri Perlis (JKKN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis. Program ini menggunakan tagline "mai pakat mai...pakat mai ramai-ramai" berjaya menarik hampir 100,000 pengunjung dari seluruh negeri Perlis. Lebih 60 agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah terlibat sepanjang program ini berlangsung.	Muzium Kota Kayang
8.	4 Mac 2017	Kenali Dunia Arkeologi	Program bertujuan memberi pendedahan atas arkeologi dan bidang permuziuman kepada masyarakat terutamanya kepada golongan muda. Seramai 94 orang pelajar daripada beberapa buah sekolah rendah dan menengah yang terpilih di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan terlibat.	Muzium Chimney
9.	6 Mac 2017	Lawatan Dari Dr Clementime Delis	Lawatan Dr Clementime Delis ini telah disambut oleh Pengarah Muzium Etnologi Dunia Melayu, dan juga pegawai MEDM. Beliau telah dibawa melawat Galeri MEDM dan diberi penerangan oleh pengarah sendiri mengenai pameran di MEDM.	Muzium Etnologi Dunia Melayu
10.	8 Mac 2017	Jom Ber cerita Bersama Aki siri 1/2017	Program ini juga bertujuan untuk memupuk semangat cintakan sejarah dan budaya negara kepada kanak-kanak terutamanya yang berkaitan dengan Sungai Lembing. Dua orang ahli panel telah dijemput untuk menceritakan pengalaman mereka semasa zaman kegemilangan perlombongan dahulu iaitu Encik Ismail bin Mahidin dan Encik Mohd Sharif bin Mohamad. Mereka merupakan bekas pekerja Iombong Syarikat The Pahang Consolidated Company Limited (PCCL) dahulu. Jumlah penyertaan adalah seramai 80 orang iaitu 40 orang murid tahap 1 dan 40 orang murid tahap 2 dari sekolah rendah di sekitar Sungai Lembing. Sekolah yang terlibat adalah SK Sungai Lembing, SJK (C) Sungai Lembing, SK Nadak dan SK Sungai Mas (JHEOA).	Muzium Sungai Lembing

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
11.	11 Mac 2017	Ceritera Penglipurlara Awang Batil	Program Ceritera Penglipurlara Awang Batil yang menampilkan penggiat Awang Batil yang terkenal di Perlis iaitu En. Romli bin Mahmud. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memperkenalkan kesenian Awang Batil sebagai satu penceritaan muzikal tradisional kepada para pelajar dalam usaha untuk melestarikan khazanah kesenian khususnya di negeri Perlis. Seramai 100 orang pelajar daripada pelbagai kaum dari empat buah sekolah di sekitar Kuala Perlis iaitu Sekolah Kebangsaan Panggau, Sekolah Kebangsaan Kuala Perlis, SJK(C) Choon Siew dan SJK(C) Khay Beng telah terlibat dalam program ini.	Muzium Kota Kayang
12.	11 Mac 2017	Bicara@Muzium: Kelangsungan Cabaran dan Masa Depan Ekosistem Marin	Program ini memfokuskan kepada isu cabaran dan masa depan ekosistem marin bertujuan memberi kesedaran kepada peserta untuk menjaga alam sekitar. Seramai 30 orang pelajar dan 5 orang guru pengiring terlibat di dalam program ini.	Muzium Marin Labuan
13.	15 Mac 2017	Program Outreach Di Sekolah Menengah Perempuan Methodist Kuala Lumpur.	Tujuan utama pihak muzium mengadakan sesi permainan tradisional ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tersebut mengenai permainan tradisional masyarakat melayu. Hal ini kerana, permainan tradisional kian dilupakan masyarakat moden pada hari ini. khususnya yang tinggal di bandar - bandar besar. Lantaran itu, pihak muzium mengambil inisiatif ini untuk memperkenalkan permainan tradisional seperti yang dinyatakan.	Muzium Etnologi Dunia Melayu
14.	15 Mac 2017	Program Outreach 'Kenali Muzium' Siri I	Sejumlah 20 orang murid terdiri dari 10 pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan telah dipilih oleh guru untuk menyertai aktiviti demonstrasi 'Casting & Moulding' yang di ketuai oleh Kurator, Encik Muhamad Faiz bin Azizan dari Bahagian Pengurusan Konservasi, Jabatan Muzium Malaysia dan dibantu oleh dua orang kakitangan iaitu En Muhamad Zaidi bin Roslan dan En Ahmad Shahir bin Md Daud.	Muzium Automobil Nasional
15.	21-24 Mac 2017	Jom Bermain Congkak	Program ini bertujuan untuk menarik minat pengunjung berkunjung ke Muzium Etnologi Dunia Melayu. Bersesuaian dengan fungsi muzium ini sebagai pusat rujukan berkaitan kebudayaan Melayu.	Muzium Etnologi Dunia Melayu
16.	25 Mac 2017	Karnival Sepak Raga Tuju Kuala Kedah 2017	Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kota Setar, Pejabat Daerah Kota Setar dan Gerakan Belia 4B Kuala Kedah dengan kerjasama Muzium Kota Kuala Kedah telah mengadakan Karnival Sepak Raga Tuju diperkarangan Muzium Kota Kuala kedah. Pertandingan ini disertai oleh 36 pasukan.	Muzium Kota Kuala Kedah

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
17.	25 Mac 2017	Ekplorasi Menelusuri Warisan Sejarah Lembah Bujang Siri 3/2017 UPSI-UKM	Melibatkan semua kakitangan Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan 160 pelajar dan Pensyarah UPSI dan UKM. Antara aktiviti yang dijalankan senamrobik, demonstrasi artifak, seramik dan topeng oleh konservator Jabatan Muzium Malaysia.	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
18.	29 Mac 2017	Bicara @Muzim di Muzium Matang bertajuk 'Merungkai Sejarah Taiping Bandar Warisan'	Seramai tiga orang pembentang telah membentangkan kertas kerja. Antara penceramah yang diketengahkan ialah Dr.Nazirah Lee dari Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim, yang memperkatakan tajuk iaitu " Taiping Bandar Warisan; Citra Wanita bandar Kosmopolitan Taiping 1930 an. Manakala Dr. Rabaah Binti Abdullah dari Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim pula membincangkan tajuk Pendidikan di Taiping pada abad ke 19 dan 20: satu sorotan sejarah dan penceramah Dr. Zanariah Noor yang juga dari Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim, memperkatakan tajuk Pentadbiran di Taiping pada awal abad ke -20. Penyertaan ini dihadiri oleh seramai 180 orang peserta yang terdiri dari pelbagai pihak iaitu Pelajar Sekolah Menengah, guru sejarah sekolah yang berhampiran, kakitangan Muzium Perak, Kakitangan Muzium Negeri, Kakitangan Kerajaan di Taiping dan Badan NGO.	Muzium Matang
19.	5 April 2017	Jejak Sejarah	Program Jejak Sejarah bertempat di Muzium Sungai Lembing dan beberapa tempat bersejarah di sekitar Sungai Lembing. Tujuan program ini adalah untuk memperkenalkan kawasan bersejarah di sekitar Sungai Lembing. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menanam dan menyemai semangat mencintai sejarah dan memberi kesedaran kepada generasi muda agar lebih menghayati sejarah negara. Jumlah penyertaan adalah seramai 56 orang iaitu pelajar SMK Sungai Lembing, SMK Bukit Goh, SMK Seri Panching dan SBPI Kuantan.	Muzium Sungai Lembing
20.	8 April & 15 April 2017	Kenali Dunia Muzium Siri 1 & 2	Seramai 87 pelajar dari 9 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan terlibat. Peserta telah dipecahkan kepada 5 kumpulan mengikut sekolah dan setiap peserta diberikan peluang untuk merasai cara sesuatu artifak tembaga dikonservasi. Setiap peserta telah dibekalkan peralatan konservasi.	Muzium Labuan

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
21.	13 April 2017	Bicara@Muzium: Seni Bina Tradisional Melayu	Bertempat di Dewan PERZIM, Muzium Rakyat, Melaka. Program ini disertai oleh 180 peserta yang terdiri dari pelajar-pelajar UTM, UKM, UPM, Politeknik Merlimau Melaka, Kolej Komuniti Jasin, Kakitangan Jabatan/Agenzi Kerajaan, Kakitangan Muzium dan NGO.	Muzium Seni Bina
22.	15-16 April 2017	Semarak Muzium@ Mskoa " Magisnya Seni "	Program Semarak Muzium ini telah berjaya menarik kehadiran para pengunjung seramai 5100 orang sepanjang 2 hari berlangsung. Para pengunjung yang hadir ke program ini terdiri daripada pelawat tempatan dan luar negara, pegawai dan kakitangan JMM, siswa dan siswi dari kolej dan universiti , Aktivis dan NGO Orang Asli, orang perseorangan yang berkaitan dengan Masyarakat Orang Asli serta Masyarakat Orang Asli itu sendiri.	Muzium Seni Kraf Orang Asli
23.	16 April - 16 Jun 2017	Pameran Merentasi Samudera	Pameran Merentasi Samudera diadakan bagi memberi pelbagai maklumat aktiviti pelayaran tempatan yang semakin tenggelam. Pameran ini berlangsung selama 2 bulan di ruang pejabat Muzium Kota Kuala Kedah. Sebanyak 13 artifak dan model kapal telah dipamerkan.	Muzium Kota Kuala Kedah
24.	26 April 2017	Bicara Arkeologi Lembah Bujang Siri 5/2017	Dibentangkan oleh Encik Azman Adam, Pengarah Muzium Arkeologi Lembah Bujang dengan tajuk Penemuan Arca di Tapak Kompleks Percandian Pengkalan Bujang : Suatu Analisis, Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli dari UKM dengan tajuk Akulturasi Budaya dan Transformasi Ilmu Kerajaan Kedah Tua: Bukti Arkeologi dan Kajian Saintifik serta Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman dengan tajuk Kerajaan Melayu Pra Islam di Kedah Tua: Fakta Arkeologi.	Muzium Arkeologi Lembah Bujang
25.	4 Mei 2017	Bicara @Muzium 2017; Muzium Perak Dulu, Kini dan Selamanya	Bertempat di Muzium Perak	Muzium Perak
26	6 Mei 2017	Eksplorasi Hidupan Marin	Program ini diadakan untuk para peserta mengenal dan menambah pengetahuan mengenai spesies-spesies hidupan laut dan meningkatkan daya kreatif agar dapat berfikir secara kritis. Seramai 30 orang pelajar dan 4 guru pengiring terlibat.	Muzium Marin Labuan

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
27.	13 Mei 2017	Bicara@Muzium	Bicara@Muzium yang bertemakan sejarah dan kebudayaan telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Ismail bin Ali, Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah telah berkongsi pandangan dan pengalaman berhubung elemen sejarah dan kebudayaan di WP Labuan. Seramai 120 peserta telah menghadiri program ini.	Muzium Labuan
28.	18 Mei 2017	Living Museum Day 2017	Seramai 14 orang masyarakat Orang Asli dari Suku Kaum Mah Meri dan Semai telah terlibat dalam menjayakan program ini. Program ini diserikan lagi dengan kehadiran para peserta Program TM - JMM Media Challenge 2017 yang juga berlangsung pada hari yang sama di Galeri MSKOA. Para peserta Program TM - JMM Media Challenge ini perlu mengambil bahagian dalam aktiviti menyumpit dan menjawab soalan kuiz yang telah disediakan oleh pihak MSKOA sempena Program Living Museum Day ini.	Muzium Seni Kraf Orang Asli
29.	20 Mei 2017	Bicara@ Muzium:Tapak Sejarah Di Kota Tinggi	Bertempat di Dewan Terbuka Kampung Johor Lama	Muzium Kota Johor Lama
30.	20 Mei 2017	Jom Sihat dan PL sihat @ Muzium Chimney	Antara aktiviti pengisian yang telah dilaksanakan ialah acara Senam Otak Raja, Zumba bersama Zin Tony Macho, 1000 langkah laluan sejarah, Pameran Merungkai Misteri Chimney, Peraduan Turun Berat Badan, Peraduan Kuiz Hari Muzium dan Cabutan Peserta Bertuah. Seramai 350 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan muzium, Perbadanan Labuan, ahli-ahli keluarga dan komuniti setempat menyertainya.	Muzium Chimney
31.	25 Mei 2017	Kembara Warisan Seni Bina	Seramai 30 peserta mengikuti program ini yang terdiri daripada pelajar dari Kolej Komuniti Jasin, Melaka yang sedang mengikuti kursus seni bina.	Muzium Seni Bina
32.	7-9 Julai 2017	Pameran Koleksi JMM; Artifak Daftar Warisan Kebangsaan Sempena Karnival Lenggong	Dataran Lenggong	Muzium Perak

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
33.	8 Julai 2017	PLabuan Chimney Run	Program ini merupakan anjuran <i>Labuan Sports Kickboxing Association (LSKA)</i> dan <i>Absolute Encore (AE)</i> dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan serta beberapa lagi agensi di Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 1000 orang peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada peserta tempatan mahupun luar negara.	Muzium Chimney
34.	19 Julai 2017	Bicara @ Muzium : Bangunan dan Monumen Bersejarah Sungai Lembing	Tujuan program ini adalah untuk mengumpul segala maklumat berkaitan bangunan dan monumen bersejarah yang terdapat di Sungai Lembing khususnya. Seramai 3 orang ahli panel jemputan iaitu Encik Mohd Syukri bin Mohd Isa,Pengarah Jabatan Warisan Negara Zon Timur yang mengupas Tajuk "Kepentingan Pemeliharaan Bangunan Bersejarah".Panel kedua iaitu Encik Nadrul Hisham bin Mohd Daud merupakan Pensyarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan membentangkan tajuk "Penerapan konsep 'The Living Museum' di Bandar Warisan Sungai Lembing". Pembentangan terakhir pula bertajuk "Pengimbangan Kelestarian Nilai Warisan Sejarah dan Survival Sungai Lembing" oleh Puan Norkamawati binti Kamal,AMP iaitu Pegawai Tadbir Majlis Perbandaran Kuantan.	Muzium Sungai Lembing
35.	20 Julai 2017	Perkhidmatan Pendidikan Alam Semulajadi Murid Sekolah Rendah Peringkat WP Labuan	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan telah mengadakan aktiviti "Chimney Treasure Hunt" bertempat di Muzium Chimney. Program ini berlangsung selama 3 hari 2 malam di Pusat Kurikulum Labuan dan disertai oleh 60 peserta dari seluruh Labuan dan 20 jurulatih.	Muzium Chimney
36.	22 Julai 2017	Bengkel Membuat Acuan Duit Pitis	Bertempat di Pusat Sumber, Muzium Kota Kayang, Perlis. Penyertaan bengkel ini adalah seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada peminat dan pengumpul mata wang lama, Persatuan Masdinar Kedah, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan juga peserta persendirian dari serata tempat. Bengkel ini diadakan selama satu hari bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. En. Ahmad Nasryuddin bin Ismail daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai, Pulau Pinang telah dijemput sebagai penceramah jemputan bagi bengkel ini.	Muzium Kota Kayang

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
37.	26 Julai 2017	Ceramah Permuziuman; Kaedah Pengumpulan Spesimen Arthropod	Bertempat di Muzium Perak	Muzium Perak
38.	26 Julai 2017	Program Outreach 'Kenali Muzium' Siri I	Telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Jijan, Nilai, Negeri Sembilan. Program ini merupakan satu program outreach yang dianjurkan oleh Muzium Automobil Nasional untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah mengenai latar belakang penubuhan muzium, koleksi dan juga kerjaya dalam bidang permuziuman.	Muzium Automobil Nasional
39.	26 Julai 2017	Lawatan Duta Malaysia ke Turki Datuk Abdul Razak Abdul	Rombongan ini turut dihadiri oleh isteri dan juga Ketua JKKK Kampung Melayu Encik Mohamad Shariff bin Mohamad. Taklimat diberikan oleh Ketua Muzium.	Muzium Sungai Lembing
40.	29 Julai 2017	Bicara@Muzium: Mengimbau Kenangan Chimney	Program dijalankan secara santai menampilkan 2 orang pembentang dari kalangan tokoh-tokoh masyarakat tempatan Labuan iaitu Puan Wahidah binti Abdullah dari RTM Labuan dan Encik Willie Teo, Penasihat Kehormat Persatuan Pemandu Pelancong Labuan. Seramai 80 peserta dari kalangan pelajar sekolah, agensi kerajaan, NGO, ahli-ahli masyarakat dan komuniti setempat telah menghadiri program ini.	Muzium Chimney
41.	2 Ogos 2017	Ceramah "Kenali Muzium" Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Laksamana	Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Laksamana telah menjemput kakitangan Muzium Kota Kuala Kedah bagi menyampaikan ceramah berkaitan sejarah Kota Kuala Kedah. Ceramah ini melibatkan pelajar tingkatan 1 dan 2.	Muzium Kota Kuala Kedah
42.	9 Ogos 2017	Bicara@Muzium: Perlis Dahulu Dan Kini	Seramai 100 peserta daripada pelajar sekolah menengah, ahli Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perlis, persatuan-persatuan dan universiti tempatan. Pihak muzium telah menjemput 2 ahli panel yang membentangkan kertas kerja iaitu En. Alwi bin Sudin, ahli sejarah yang terkenal di negeri Perlis dan En. Wan Nan bin Wan Mahmud, bekas Guru Besar SK Simpang Empat, Perlis yang bergiat aktif menulis cerpen dan cerita rakyat. Dua tajuk kertas kerja telah dibentang oleh dua ahli panel iaitu Sejarah Penubuhan Negeri Perlis dan loghat negeri Perlis.	Muzium Kota Kayang

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
43.	9 Ogos 2017	Semarak Merdeka (RTM-KTMB-Muzium Kota Kayang)	Program semarak merdeka anjuran RTM Perlis dengan kerjasama Muzium Kota Kayang dan KTMB telah diadakan di perkarangan Muzium Kota Kayang Perlis. Program ini turut berjalan serentak di beberapa buah negeri bagi menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan negara yang ke 60 tahun. Program ini melibatkan hampir 150 orang pelajar daripada sekolah rendah dan menengah sekitar Kangar.	Muzium Kota Kayang
44.	9 Ogos 2017	Semarak Merdeka "Negaraku Sehati Sejiwa"	Program Inreach Semarak Merdeka "Negaraku Sehati Sejiwa" telah diadakan di Bilik Tayangan, Muzium Automobil Nasional bersempena sambutan bulan kemerdekaan negara. Program ini merupakan satu program inreach yang dianjurkan oleh Muzium Automobil Nasional untuk meraikan hari kemerdekaan Malaysia ke 60 bersama-sama murid-murid dari tadika 'Growing Tree' seramai 65 orang berusia 2 hingga 6 tahun beserta 13 orang guru pengiring.	Muzium Automobil Nasional
45.	14-17 Ogos 2017	Semarak Merdeka	Diadakan bersempena menyambut bulan Kemerdekaan negara pada setiap 31 Ogos. Acara ini diadakan selama tiga hari iaitu bermula pada 14hb Ogos 2017 di SK Simpang dan dikuti pada 16hb sehingga 17hb Ogos 2017 di Muzium Matang. Pelbagai acara menarik telah dilaksanakan antaranya membicarakan Erti Kemerdekaan di SK Simpang Perak sekaligus merasmikan program pelancaran Bulan Kemerdekaan 2017 di Sekolah tersebut. Pada 16hb ogos bertempat di Muzium Matang program Eksplorasi Merdeka telah diadakan bersama pelajar sekolah Kebangsaan Simpang seramai 30 orang pelajar. Pertandingan Kolaj Merdeka NegaraKu Sehati Sejiwa bersama kanak-kanak TABIKA KEMAS seramai 92 orang telah diadakan pada 17hb Ogos 2017 di Muzium Matang. Lima buah Tabika KEMAS iaitu Tabika KEMAS Pekan Matang, Tabika KEMAS Matang Gelugor, Tabika KEMAS Matang Road, Tabika KEMAS Kuala Sepetang , dan Tabika KEMAS Sungai Mati yang mengambil bahagian.	Muzium Matang

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
46.	15 Ogos 2017	Bicara@Muzium 2017 Bertajuk: Ilmu Langit Orang Asli - Khazanah Yang Dilupakan	Objektif utama program bicara ini ialah untuk memberi pendedahan dan penyebaran maklumat kepada masyarakat umum mengenai keilmuan dan pegangan budaya masyarakat orang asli terhadap ilmu astronomi dan kosmologi dalam kehidupan mereka. Selain itu, program ini juga berperanan untuk mendokumentasi setiap maklumat berkaitan etnoastronomi dan kosmografi orang asli untuk simpanan dan rujukan pada masa akan datang. Program bicara seperti ini juga dapat menjalinkan jaringan kerjasama dan perkongsian maklumat di antara Jabatan Muzium Malaysia umumnya dan MSKOA khususnya bersama tokoh - tokoh/ pengkaji/ilmuan/aktivis serta agensi - agensi yang berkait rapat dengan masyarakat orang asli itu sendiri.	Muzium Seni Kraf Orang Asli
47.	16 Ogos 2017	Pertandingan Kolaj Jalur Gemilang Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke 60	Perpustakaan Muzium Perak	Muzium Perak
48.	17 Ogos 2017	Lawatan Berpandu Dari Pegawai Bahagian Pendidikan Dari Jabatan Perdana Menteri	Seramai 21 orang Pegawai Bahagian Pendidikan dari Jabatan Perdana Menteri telah membuat lawatan rasmi ke Muzium Etnologi Dunia Melayu dan juga Muzium Seni kraf Orang Asli. Lawatan bermula pada jam 9.30 pagi dengan diringi oleh Kurator dan kakitangan muzium yang diketuai oleh Pn. Raja Suriaty Bt Raja Ahmed.	Muzium Etnologi Dunia Melayu
49.	21 Ogos 2017	Bicara@Muzium : Perang Kedah - Siam (1821 - 1842)	Muzium Kota Kuala Kedah telah mengadakan Program Bicara @ Muzium: Perang Kedah-Siam (1821-1842) bertempat diruang pejabat Muzium Kota Kuala Kedah. Program ini disertai oleh 150 orang peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Sharifah Rodziah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Laksamana serta wakil dari kakitangan kerajaan dan agensi. Antara pembentang yang terlibat di dalam program bicara ini Tuan Haji Hasim Bin Saari, Pensyarah/Ketua Unit Praktikum Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman (IPDA) dan Profesor Emiritus Dr. Abdullah Zakaria Bin Ghazali, Pensyarah Jabatan Sejarah Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.	Muzium Kota Kuala Kedah

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
50.	23 Ogos 2017	Aku Negaraku	Kanak-kanak merupakan aset negara yang amat penting dan penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Justeru, satu kerjasama antara Muzium Kota Kayang, Perlis jabatan pendidikan negeri perlis melalui pusat kecemerlangan pelajar Kuala Perlis Negeri Perlis telah mengadakan program Aku Negaraku sebagai salah satu usaha untuk menarik minat kanak-kanak seawal umur empat tahun untuk mengenali sejarah dan budaya yang terdapat di negeri Perlis selain menanam semangat cintakan negara melalui aktiviti kenegaraan. Terdapat tiga bidang yang diberi penekanan dalam aktiviti ini iaitu sejarah, arkeologi dan kebudayaan.	Muzium Kota Kayang
51.	23 Ogos 2017	"MERDEKA @ MUZIUM"	Sempena Hari Kemerdekaan Negara yang disambut pada 31 Ogos 2017 Muzium Sungai Lembing mengadakan satu program untuk meraikan hari kemerdekaan Malaysia ke 60 bersama murid-murid sekolah. Program diadakan agar rasa cinta akan negara di kalangan generasi baru dapat terus disemai serta penghayatan kemerdekaan kepada generasi muda khususnya yang akan menjadi pemimpin negara pada masa akan datang. Jumlah penyertaan adalah seramai 100 orang iaitu murid sekolah rendah di sekitar Sungai Lembing.	Muzium Sungai Lembing
52.	25 - 27 Ogos 2017	Pameran Penubuhan Malaysia sempena Program Karnival Warisan Merdeka	Dataran Warisan Taiping	Muzium Perak
53.	26 Ogos 2017	Sambutan Bulan Kemerdekaan ke 60: Jelajah Warisan Merdeka Kembara Warisan Merdeka Mai Kayuh Merdeka	Muzium Perak, Taiping	Muzium Perak

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
54.	25 September 2017	Lawatan Delegasi Thailand	Lawatan delegasi Thailand adalah sempena Program Mesyuarat Kumpulan Tindakan Gabungan (CAT) Malaysia Thailand ke 25. Seramai 15 orang delegasi menyertai lawatan ini. Taklimat berkaitan sejarah Kota Kuala Kedah telah disampaikan oleh En. A. Rahim Bin Baharom. Peserta delegasi di bawa melawat galeri pameran dan pameran luar Muzium Kota Kuala Kedah.	Muzium Kota Kuala Kedah
55.	4 Oktober 2017	"Jom Bercerita Bersama Aki Siri 2/2017"	Tujuan program ini adalah untuk mendekati dan menarik minat kanak-kanak untuk berkunjung ke muzium. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memupuk semangat cintakan sejarah dan budaya negara kepada kanak-kanak terutamanya yang berkaitan dengan Sungai Lembing. Dua orang ahli panel telah dijemput untuk menceritakan pengalaman mereka semasa zaman kegemilangan perlombongan dahulu iaitu Encik Abdul Rahman bin Mohamad dan Encik Masari bin Mat Terim.	Muzium Sungai Lembing
56.	06 Oktober 2017	Lawatan Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kerja Raya.	Rombongan ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan iaitu Datuk Haji Sarani bin Dolah. Program Explorace juga diadakan untuk kakitangan jkr pada hari tersebut. Taklimat diberikan oleh Ketua Muzium.	Muzium Sungai Lembing
57.	10 Oktober 2017	Program Inreach 'Jom Ke Muzium'	Program ini adalah salah satu aktiviti inreach untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah terutamanya pelajar-pelajar Tahun 6 yang telah selesai menjalani peperiksaan UPSR untuk mengetahui latar belakang penubuhan muzium, koleksi dipamerkan, kerjaya didalam bidang permuziuman dan juga pendedahan bidang permuziuman melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.	Muzium Automobil Nasional
58.	11 Oktober 2017	Lawatan Ibu Maria President Women of The East dan Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (W.I) Negeri Pahang	Rombongan turut disertai oleh 10 orang wakil dari Indonesia dan 30 orang ahli W.I Negeri Pahang. Taklimat diberikan oleh Ketua Muzium.	Muzium Sungai Lembing
59.	13 Oktober 2017	Lawatan Puspanita Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Putrajaya	Rombongan disertai oleh Penaung Puspanita NKRE iaitu Datin Seri Fiona Sim bersama 20 orang ahli lain. Taklimat diberikan oleh Puan Siti Norjunaimah.	Muzium Sungai Lembing

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
60.	20 Oktober 2017	Historical Tour	Program ini bertujuan sebagai pra promosi kepada sambutan <i>Remembrance Day</i> (hari Memperingati) di Labuan serta memupuk semangat patriotisme, jati diri dan erti keamanan di kalangan peserta. Jelajah sejarah pulau membabitkan lima buah lokasi bersejarah iaitu Muzium Labuan, War Memorial, Taman Damai, Surrender Point dan Muzium Chimney.	Muzium Labuan
61.	21-22 Oktober 2017	Semarak Muzium	Perkarangan Muzium Perak	Muzium Perak
62.	23 Oktober 2017	Muziumku Sekolahku 2017	Program ini melibatkan penyertaan seramai 90 peserta daripada beberapa buah sekolah sekitar Kangar. Program ini bermula jam 9.00 pagi dan berakhir jam 5.00 petang. Pelaksanaan Program Muziumku Sekolahku bertujuan mendedahkan pelajar dengan pelbagai aktiviti di lapangan. Untuk penganjuran kedua pada tahun ini, pihak muzium telah memilih untuk membuat aktiviti membina rumah model melayu tradisional negeri Perlis.	Muzium Kota Kayang
63.	25 Oktober 2017	Lawatan Delegasi Indonesia Sempena Mesyuarat Tourism Cluster (BIMP-EAGA)	Peserta delegasi diberikan lawatan berpandu ke galeri pameran daripada pihak muzium.	Muzium Chimney
64.	26 Oktober 2017	Lawatan Pusat Latihan Khidmat Negara, Baling	Lawatan ini disertai oleh 204 orang pelatih dan 30 orang jurulatih. Pelatih di beri taklimat ringkas berkaitan sejarah Kota Kuala Kedah oleh pegawai bertugas dan di bawa melawat galeri dan pameran luar Muzium Kota Kedah.	Muzium Kota Kuala Kedah
65.	28 Oktober 2017	Semarak Muzium	Diadakan bersempena pameran sementara Permainan Tradisional Masa Lapang. Antara pengisian program ini ialah senamrobiik, pemeriksaan kesihatan, pertandingan mewarna dan pertandingan permainan tradisional seperti congkak, batu seremban, tarik upih, tuju selipar, tuju guli, lari dalam guni, getah gelang, dam, lumba kaki tempurung, tuju tin, boling padang, terompah gajah, sepak raga, tiup belon dan rebut kerusi.	Muzium Matang

Bil.	Tarikh	Program	Butiran	Anjuran
66.	28 Oktober 2017	Muzium, Sejarah & Bahasa	Program ini diadakan bersempena dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan pada setiap bulan Oktober dan memperingati ulangtahun perasmian Muzium Labuan. Pelbagai aktiviti dijalankan antaranya Pertandingan Kuiz Sejarah & Permuziuman, Pertandingan Mengarang Esei, Pertandingan Mewarna dan Melukis serta Bengkel Permainan Tradisional.	Muzium Labuan
67.	31 Oktober 2017	Bicara@ Muzium: Tapak Sejarah Di Kota Tinggi	Bertempat di Dewan Terbuka Kampung Johor Lama	Muzium Kota Johor Lama
68.	11 November 2017	Semarak @ Muzium Chimney	Pelbagai aktiviti pengisian diadakan antaranya Zumba, Kembara Sejarah, Lumba@Muzium Chimney, Bual Bicara Secawan Kopi, Pertandingan Karaoke Muzium Idol Cilik, Peragaan dan perlumbaan kereta Hotwheel bertemakan Chimney dan aktiviti booth pameran Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan.	Muzium Chimney
69.	16 November 2017	Bicara@Muzium; Madu dan Racun	Pejabat Pentadbiran, Muzium Perak	Muzium Perak
70.	24 November 2017	Lawatan DYTM Raja Muda Perak ke Muzium Matang	Sejurus selesai solat Jumaat di Masjid Tengku Menteri Matang, DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Muda Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa menjunjung kasih ke Muzium Matang diiringi oleh Ketua-ketua Jabatan, Penghulu dan AJK Masjid Kg Matang. Selesai majlis santapan, DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Muda Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa ke Galeri Muzium Matang disambut oleh Pengarah Muzium Perak, Pegawai dan kakitangan Muzium Matang. Setelah selesai menandatangani buku pelawat Muzium, Tuanku melawat pameran.	Muzium Matang
71.	27 November - 8 Disember 2018	Pameran Makanan Tradisional Masyarakat Malaysia	Universiti Teknologi Petronas (UTP), Sri Iskandar, Perak	Muzium Perak
72.	2 Disember 2017	Fun Walk And Environment	Program ini merupakan anjuran MOTAC Labuan dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia Labuan, PERSADA Labuan dan juga KRT Kampung Lubok Temiang. Seramai 50 orang peserta telah menyertai program ini.	Muzium Chimney



Program Bermalam Perdana di Muzium Arkeologi Lembah Bujang pada 15 dan 16 September 2017



Bicara@Muzium Matang: Merungkai Sejarah Taiping Bandar Warisan' pada 29 Mac 2017 bertempat di dewan Seminar Muzium Matang.



Projek Sains Dan Kreativiti Marin Di Muzium Marin Labuan



# Laporan **KEWANGAN**



# PERUNTUKAN MENGURUS JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Secara keseluruhannya JMM telah diperuntukkan sejumlah RM81,227,008.31 pada tahun 2017 dimana RM34,111,300.00 merupakan peruntukan Dasar Sedia Ada dan RM47,115,708.31 adalah daripada peruntukan One Off yang diberi kepada Jabatan.

## Prestasi Perbelanjaan Mengurus mengikut Butiran Jenis Perbelanjaan Bagi Tahun 2017


Sepanjang tahun 2017, perbelanjaan keseluruhan peruntukan Dasar Sedia Ada JMM ialah sebanyak RM33,720,549.81 atau 98.85% . Pecahan tertinggi adalah untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (Pemberian kepada Muzium Kesenian Islam) iaitu sebanyak RM800,000.00 atau 100.00% diikuti dengan Bekalan dan Perkhidmatan iaitu sebanyak RM13,663,407.84 atau 99.97% serta Emolumen iaitu sebanyak RM19,257,141.97 atau 98.03%. Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah peruntukan dan peratusan perbelanjaan mengikut maksud perbelanjaan.

Jadual 1: **Perbelanjaan Mengurus**

MAKSUD PERBELANJAAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%) PERBELANJAAN
Emolumen	19,644,000.00	19,257,141.97	98.03
Bekalan dan Perkhidmatan	13,667,300.00	13,663,407.84	99.97
Aset	-	-	-
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	800,000.00	800,000.00	100.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>33,720,549.81</b>	<b>33,720,549.81</b>	<b>98.85</b>

## Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2016 dan 2017

Secara perbandingan mengikut tahun 2016, peruntukan belanja mengurus bagi tahun 2017 menurun sebanyak RM2,800,630.00 berbanding tahun 2016. Dari segi prestasi perbelanjaan, pada tahun 2017 prestasi perbelanjaan telah meningkat sebanyak 2.38% iaitu 98.85% dari 96.47% pada tahun 2016. (Rujuk Carta di bawah)



**Perbandingan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2016 dan 2017**



*Statistik Pelawat ke*

# **MUZIUM-MUZIUM JMM 2017**



# STATISTIK 2017

Muzium adalah bangunan yang menyimpan pelbagai khazanah dan budaya negara yang tidak ternilai harganya. Ia menjadi institusi pendidikan tidak formal kepada masyarakat khususnya golongan pelajar dalam mempelajari mengenai sejarah negara. Dan saban tahun muzium menjadi antara lokasi yang mesti dilawati oleh pelancong dalam dan luar negara. Ini terbukti dengan peningkatan jumlah pengunjung yang melawat muzium dari tahun ke tahun. Sebagai contohnya pada tahun 2016, pengunjung yang melawat muzium-muzium di bawah pentadbiran Jabatan Muzium Malaysia ialah seramai 3,053,526 orang berbanding hanya 2,881,612 pada tahun 2015.

Pencapaian ini didorong oleh kerjasama satu pasukan pentadbiran JMM di peringkat ibu pejabat dan muzium-muzium melalui kecekapan jentera pentadbiran dan penganjuran pelbagai program menarik yang bersifat interaktif dan menyeronokkan kepada para pengunjung.

## Statistik Pelawat Jan-Dis 2017

BIL	MUZIUM	PELAWAT TEMPATAN	PELAJAR	PELAWAT LUAR NEGARA	INREACH/ OUTREACH PROGRAM	JUMLAH	SASARAN	PERATUS
<b>1</b>	<b>MN (pameran sementara)</b>	222187	39578	130236	542772	<b>934773</b>	<b>643399</b>	<b>145%</b>
<b>2</b>	<b>Muzium Perak</b>	72275	98656	2480	29363	<b>202774</b>	<b>222484</b>	<b>91%</b>
<b>3</b>	<b>Muzium Tekstil Negara</b>	32508	10177	50388	13591	<b>106664</b>	<b>68897</b>	<b>155%</b>
<b>4</b>	<b>MALB</b>	151916	8078	1051	1430	<b>162475</b>	<b>189535</b>	<b>86%</b>
<b>5</b>	<b>Muzium Kota Kayang</b>	29182	13496	1016	9438	<b>53132</b>	<b>61842</b>	<b>86%</b>
<b>6</b>	<b>Muzium Labuan</b>	63393	5898	5342	7951	<b>82584</b>	<b>69118</b>	<b>119%</b>
<b>7</b>	<b>Muzium Marin Labuan</b>	123869	4126	6043	7519	<b>141557</b>	<b>138349</b>	<b>102%</b>
<b>8</b>	<b>Muzium Adat</b>	44155	25931	530	15500	<b>86116</b>	<b>81559</b>	<b>106%</b>
<b>9</b>	<b>Galeria Perdana</b>	51937	9981	16838	0	<b>78756</b>	<b>86440</b>	<b>91%</b>
<b>10</b>	<b>Muzium Sungai Lembing</b>	58511	7259	3071	2904	<b>71745</b>	<b>81964</b>	<b>88%</b>
<b>11</b>	<b>Muzium Seni Bina Malaysia</b>	49650	2584	7849	4687	<b>64770</b>	<b>67264</b>	<b>96%</b>
<b>12</b>	<b>Muzium Automobil Nasional</b>	53140	1880	50675	2022	<b>107717</b>	<b>100797</b>	<b>107%</b>
<b>13</b>	<b>MEDM</b>	21891	7942	31073	9373	<b>70279</b>	<b>83486</b>	<b>84%</b>
<b>14</b>	<b>Muzium Lukut</b>	31453	6408	391	2810	<b>41062</b>	<b>33924</b>	<b>121%</b>

BIL	MUZIUM	PELAWAT TEMPATAN	PELAJAR	PELAWAT LUAR NEGARA	INREACH/ OUTREACH PROGRAM	JUMLAH	SASARAN	PERATUS
15	<b>Muzium Seni Kraf Orang Asli</b>	30192	4327	30211	9430	<b>74160</b>	<b>130150</b>	<b>57%</b>
16	<b>Muzium Matang</b>	40378	8500	585	3370	<b>52833</b>	<b>58052</b>	<b>91%</b>
17	<b>Muzium Chimney</b>	41343	3818	5424	9074	<b>59659</b>	<b>58227</b>	<b>102%</b>
18	<b>Muzium Kota Kuala Kedah</b>	235336	15165	974	360	<b>251835</b>	<b>260629</b>	<b>97%</b>
19	<b>Muzium Kota Johor Lama</b>	25611	3475	1453	3745	<b>34284</b>	<b>33981</b>	<b>101%</b>
20	<b>Muzium DiRaja</b>	56097	15500	60825	0	<b>132422</b>	<b>142070</b>	<b>93%</b>
21	<b>Muzium Muzik</b>	16920	649	2060	0	<b>19629</b>		<b>0.6%</b>
22	<b>Pameran/Program di Luar</b>					<b>351786</b>	<b>448486</b>	<b>78%</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN PELAWAT 1 JAN-DIS 2017</b>						<b>3181012</b>	<b>3061013</b>	<b>104%</b>



### SENARAI MUZIUM YANG CAPAI SASARAN MELEBIHI 100%

1. MUZIUM TEKSTIL
2. MUZIUM NEGARA
3. MUZIUM LUKUT
4. MUZIUM LABUAN
5. MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL
6. MUZIUM ADAT
7. MUZIUM MARIN LABUAN
8. MUZIUM CHIMNEY
9. KOTA JOHOR LAMA

### SENARAI MUZIUM YANG CAPAI SASARAN MELEBIHI 90%

1. MUZIUM KOTA KUALA KEDAH
2. MUZIUM SENIBINA DIRAJA
3. MUZIUM PERDANA
4. MUZIUM PERAK
5. MUZIUM MATANG
6. GALERIA MSKOA


### SENARAI MUZIUM YANG CAPAI SASARAN DI BAWAH 90%

1. MUZIUM SG LEMBING
2. MALB
3. MUZIUM KOTA KAYANG
4. MEDM
5. PAMERAN LUAR
6. MSKOA


### LAIN-LAIN

1. MUZIUM MUZIK - PAMERAN KHAS

## GRAF PENCAPAIAN




## RUMUSAN



## RUMUSAN PERBANDINGAN MENGIKUT KATEGORI

KATEGORI	TAHUN		PERBEZAAN
	2016	2017	
PELAWAT TEMPATAN	50	46	-4
PELAJAR	12	9	-3
PELAWAT LUAR NEGARA	17	13	-4
INREACH/OUTREACH	18	21	+3
PAMERAN LUAR	3	11	+8

## RUMUSAN PERBANDINGAN KESELURUHAN 2015-2017



# Autograaf



# Autograf







### Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara  
50566, Kuala Lumpur.

Tel : (+603) 2267-1000  
Faks : (+603) 2284-9103  
Emel : [info@jmm.gov.my](mailto:info@jmm.gov.my)

